

Jilid I
Bil. 24



Hari Rabu
16hb Januari, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perang Teluk—Harapan Keamanan [Ruangan 3565]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Ruangan 3565]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 19 [Ruangan 3610]

Maksud B. 20 [Ruangan 3650]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1991

Jawatankuasa—

Maksud P. 19 [Ruangan 3610]

Maksud P. 20 [Ruangan 3650]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pendidikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., P.P.C. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- .. Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULO BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.I.S. (Mersing).
- .. TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- .. DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- .. DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- .. DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langa).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMAD KHALED BIN NORDIN (Johor Bharu).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN PADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.,
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdul.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 16hb Januari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN YANG
DI-PERTUA

Perang Teluk—Harapan Keamanan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa Perang Teluk telah pun berlepas 1 jam dan 35 minit dan marilah kita berharap peperangan tidak meletus di Teluk dan keamanan akan terus-menerus di sana.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

BELIA BERNIAGA/TANI

1. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilangan belia yang terlibat dalam program Belia Niaga dan Belia Tani sejak lima tahun yang lepas; dan
- (b) bilangan projek yang gagal dan apakah tindakan susulan yang diambil bagi memulihkan keadaan ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak Tabung Kumpulan-wang Amanah Pembangunan

Ekonomi Belia diwujudkan dan mula beroperasi pada bulan Oktober, 1988 sehingga kini, terdapat 299 projek dan 299 usahawan telah terlibat dalam Program Belia Berniaga dan 75 projek serta 75 belia yang telah terlibat dalam Projek Belia Peladang.

- (b) Setakat ini belum ada projek yang mengalami kegagalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat berpuas hati tentang pencapaian yang telah diterima sehingga kini sejak Tabung ini ditubuhkan? Kalau saya tidak silap untuk Belia Peladang sejak daripada tahun 1976—masa itu saya masih lagi pegawai Kerajaan—Yang Berhormat mengatakan 299 tadi. Jadi, adakah Kementerian berpuas hati dengan pencapaian yang ada? Kalau tidak berpuas hati, apakah Kementerian bercadang untuk menukarkan peruntukan ini kepada Kementerian yang sebenarnya specialised dalam bahagian ini? Kalau petani, berilah kepada Kementerian yang tahu soal pertanian. Kalau berniaga, Kementerian yang berniaga, sama ada belia ataupun sama ada bukan belia; orang yang terlibat itu mengenai perkara-perkara yang dia harus mengetahui berhubung dengan pertanian dan juga pasaran.

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari Arau, memang Kementerian saya tidak berpuas hati dengan jumlah permohonan yang telah diluluskan kerana memandangkan

melebihi 1,000 permohonan telah diterima. Kementerian Belia dan Sukan ada syarat-syarat yang tertentu untuk Tabung ini. Setakat ini, Kementerian ini tidak bercadang menukar Tabung ini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan di antara 299 projek bagi Program Belia Berniaga, berapa bidang seperti runcitkah ataupun borongkah ataupun jual-beli, memberi satu jawapan yang lebih terperinci.

Kedua, antara 75 projek peladang itu, adakah peladang tanam semulakah, cucuk tanamkah, tanam sayur-sayuran-kah ataupun tanaman-tanaman apa itu? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memperjelaskan ini dan juga projek yang mana berjaya sekali dan projek yang mana terkandas?

Cik Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan yang pertama iaitu bidang-bidang dalam rancangan itu, meliputi tiga rancangan—Rancangan Berniaga Kecil ialah kita akan bagi menjaminkan \$5 ribu; Rancangan Belia Berniaga ialah \$30 ribu dan Rancangan Belia Peladang ialah \$30 ribu.

Soalan yang kedua iaitu di antara 75 projek Belia Peladang, Yang Berhormat hendak tahu ia mempunyai berapa jenis projek. Di sini, saya minta maaf kerana kini saya tidak ada detail. Saya akan memberi secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana yang berjaya sekali dan yang mana yang tidak berjaya?

Cik Teng Gaik Kwan: Tentang soalan ini, saya tidak dapat jawab di sini kerana saya tidak ada maklumat di tangan saya.

YEN BLOC BAGI ASIA TIMUR/JEPUN

2. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) pendirian Malaysia tentang menjadikan Asia Timur dan Jepun satu "yen bloc" yang akan akhirnya menjadikan matawang yen sebagai satu matawang am untuk perdagangan di rantau Asia;
- (b) peratus perdagangan negara dan hutang negara dalam matawang yen;
- (c) sama ada Kerajaan bercadang mengadakan perdagangan dalam matawang yen dan kalau tidak mengapa; dan
- (d) sama ada Kerajaan bercadang mengikat matawang ringgit dengan matawang yen mengikut peratus hutang luar negeri atau perdagangan agar mempertahankan nilai matawang ringgit atau mengurangkan risiko menaikkan pinjaman luar negeri kerana gerakan matawang yen, dan kalau tidak mengapa.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan tidak berhasrat untuk menimbang apa-apa cadangan untuk menjadikan Asia Timur dan Jepun sebagai satu dengan izin, Yen Bloc. Kerajaan berpuas hati dengan peraturan sedia ada di mana matawang Ringgit ditentukan berdasarkan pergerakan matawang-matawang dalam, dengan izin, composite basket, yang terdiri daripada matawang rakan-rakan perdagangan utama Malaysia dan matawang-matawang utama yang digunakan dalam perdagangan antarabangsa.

- (b) Peratus perdagangan negara dengan Jepun adalah lebih kurang sebanyak 20% manakala peratus perdagangan negara dalam matawang Yen adalah tidak lebih daripada 10%. Peratus hutang negara dalam matawang Yen pula adalah lebih kurang 30%.
- (c) Sebagaimana yang telah dinyatakan, perdagangan negara dalam matawang Yen adalah tidak lebih daripada 10%. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan perdagangan seratus peratus dalam matawang Yen oleh kerana adalah tidak wajar untuk menghadkan bayaran perdagangan dalam satu matawang sahaja. Di bawah sistem pertukaran asing yang liberal, pedagang-pedagang adalah bebas untuk menetapkan jenis matawang bagi tujuan pembayaran berhubung dengan perdagangan antarabangsa.
- (d) Kerajaan tidak bercadang mengikat matawang Ringgit dengan matawang Yen mengikut peratus hutang luar negeri atau perdagangan. Ini adalah kerana sistem menentukan nilai Ringgit berdasarkan, dengan izin, composite index, adalah lebih baik bagi menjamin kadar pertukaran asing yang lebih teratur. Di bawah sistem ini, nilai Ringgit berubah mengikut perbandingannya dengan matawang-matawang asing utama sebagai satu kumpulan, dan dengan itu dapat menghindarkan daripada turun-naik nilai Ringgit yang ketara yang disebabkan oleh keadaan tidak menentu dalam satu-satu matawang. Atas sebab yang sama adalah tidak wajar bagi Kerajaan mengikat matawang Ringgit kepada Yen atau mana-mana matawang yang lain.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui mengenai dengan composite basket yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Berapa lamakah komponen-komponen composite basket ini disemak semula dan apakah neraca-neraca yang membawa kepada penyemakan ini dan matawang apakah yang merupakan komponen composite basket pada masa ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kandungan kepada composite basket seperti yang saya katakan tadi termasuk matawang-matawang di mana kita mempunyai hubungan perdagangan yang agak tinggi dan yang keduanya berdasarkan kepada matawang-matawang utama di peringkat penggunaannya di peringkat antarabangsa.

Tentang berapa kerap dan apakah sebabnya disemak dari masa ke semasa, yang pertamanya ianya berdasarkan kepada perubahan yang berlaku di peringkat penggunaan matawang-matawang utama dari masa ke semasa dan juga perubahan hubungan perdagangan antara kita dengan negara-negara di peringkat antarabangsa.

Saya tidak dapat menyebut lebih terperinci daripada apa yang tersebut kerana sebahagian daripada maklumat tersebut adalah tersimpan demi kepentingan negara, khususnya tentang wajaran-wajaran yang digunakan untuk menentukan akhirnya apa yang terkandung di dalam composite basket itu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya tentang pendirian Malaysia tentang satu common currency, dengan izin, untuk negara ASEAN sebagai satu usaha untuk mencapai satu gagasan ekonomi seperti yang dibuat sekarang oleh negara-negara Eropah.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa nilai matawang Ringgit bergantung dengan forces of supply and demand dalam pasaran antarabangsa, adakah ini menggalakkan Bank Negara berkecimpung di dalam spekulasi matawang asing dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sejauhmanakah Bank Negara berjaya terutama sekali dari segi keuntungan yang didapati daripada operasi tersebut.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai common currency, dengan izin, yang mungkin berlaku di peringkat negara-negara Eropah ialah satu matlamat yang telahpun diusahakan begitu lama, sungguh lama. Ia berdasarkan kepada asal-usulnya like-mindedness, dengan izin, antara negara-negara tersebut dan persamaan-persamaan yang wujud dari masa ke semasa antara negara-negara di Eropah Barat.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah kebelakangan ini untuk mewujudkan satu blok ekonomi di peringkat Asia Timur adalah di peringkat permulaan. Sekurangnya inisiatif yang diambil oleh pihak negara kita yang dipelopori oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah untuk mengesan sejauhmana adanya sebagaimana yang saya sebutkan tadi like-mindedness di antara negara-negara di sebelah Asia Timur ini, lebih-lebih lagi dalam keadaan di mana berlakunya kegagalan rundingan di peringkat apa yang dipanggil Uruguay Round yang mungkin, kalau tidak dikesan dan diimbangi, akan akhirnya menjejaskan kepentingan negara-negara ketiga dari segi perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menuju ke arah common currency di peringkat Asia ini adalah jauh down the road, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi peringkat

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin

silap dengar. ASEAN bukan Asia—ASEAN.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berbicara tentang ASEAN maka hujah yang saya sebutkan tadi agak jauh lebih remeh kerana kalau kita hendak menyebut tentang common currency ia memerlukan, yang pertamanya sebuah negara yang mempunyai pengaruh yang agak kuat dari segi ekonominya untuk mengizinkan negara tersebut supaya currency itu dapat digunakan. Kalau hendak mencari mana satu negara dalam rantau ASEAN ini yang mengizinkan matawangnya untuk digunakan sebagai common currency, ianya terpaksa menghadapi kemungkinan-kemungkinan dan apa jua cabaran yang sedang dihadapi oleh negara seperti Amerika yang telah begitu lama mengizinkan currencynya untuk digunakan di peringkat antarabangsa. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, masih lagi long down the road, dengan izin.

Mengenai sejauhmana Bank Negara terlibat dalam soal perniagaan di peringkat foreign exchange, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan oleh Bank Negara semamata untuk memelihara Ringgit kita sebegitu rupa dan apa jua kegiatan pihak Bank Negara dalam hal ini bukanlah untuk mencari untung.

INDUSTRI KEPUNYAAN KERAJAAN SABAH DAN KELANTAN

3. Dato' K. Kumaran minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman dan pendahuluan Kerajaan Pusat yang diberi kepada industri-industri kepunyaan Kerajaan Negeri Sabah dan Kelantan. Namakan industri-industri yang tersebut;
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Pusat untuk mendapat semula pinjaman dan pendahuluan tersebut; dan

- (c) sama ada wakil Kerajaan Pusat menduduki Lembaga Industri tersebut untuk mengawal serta mengambil bahagian dalam perjalanan syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Pusat hanya memberi pinjaman kepada industri-industri kepunyaan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Kelantan sama ada secara terus ataupun melalui Kerajaan Negeri itu sendiri. Bagi Kerajaan Negeri Sabah, sebanyak \$601,233,000 pinjaman telah diberikan kepada Sabah Gas Industri dan \$248,786,000 kepada Sabah Forest Industri. Selain dari dua industri ini, Kerajaan Pusat ada juga memberi pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah sebanyak \$24,350,000 yang digunakan untuk anak-anak syarikatnya.

Bagi Kerajaan Negeri Kelantan pula, Kerajaan Pusat hanya memberi pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negerinya sahaja yang digunakan untuk anak-anak syarikat. Jumlah yang terlibat adalah sebanyak \$104,527,000.

- (b) Pinjaman-pinjaman yang diberikan itu mempunyai jadual bayaran balik. Kerajaan Pusat sedang mengambil langkah-langkah berikut untuk mendapatkan balik pinjaman-pinjaman tersebut—

- (i) menghantar notis terhadap pinjaman-pinjaman yang matang untuk dibayar balik;
- (ii) mengadakan perbincangan untuk menentukan apa-apa masalah yang dihadapi untuk membayar balik pinjaman;

- (iii) membincangkan dalam mesyuarat Majlis Kewangan Negara;

- (iv) menahan pengeluaran pinjaman-pinjaman baru sehingga pinjaman yang telah matang dibayar balik; dan

- (v) menguatkuasakan fasal 98 (2) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan potongan pemberian geran yang diperuntukkan dalam Perlembagaan.

- (c) Wakil-wakil Kerajaan Pusat ada menduduki dalam Lembaga Pengarah Sabah Gas Industri. Bagi Sabah Forest Industri pula, wakil Kerajaan Pusat pernah menduduki di dalam Lembaga Pengarahnya sehingga 23 Oktober 1990. Setelah Pengerusi Lembaga diambilalih oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, seorang pegawai, masing-masing dari Kementerian Kewangan dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan telah dilantik oleh Lembaga Pengarah Sabah Forest Industri untuk menduduki Lembaga Pengarahnya. Tetapi kedua-dua pegawai tersebut belum lagi membuat keputusan sama ada untuk menerima ataupun menolak perlantikan tersebut. Mereka ini akan membuat keputusan setelah mendapat arahan selanjutnya oleh Kerajaan Pusat.

Bagi anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Sabah dan Kelantan, Kerajaan Pusat tidak diwakili dalam Lembaga Pengarah anak-anak syarikat tersebut kerana wakil Kerajaan Pusat yang menduduki Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri sudah memadai untuk mengawal serta mengambil bahagian dalam perjalanan anak-

anak syarikat tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, wakil-wakil Kerajaan Pusat ini adalah terdiri dari pegawai di Kementerian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian-Kementerian berkenaan yang bertanggungjawab ke atas syarikat-syarikat tersebut.

TERMINAL KONTENA KELANG—KESESAKAN

4. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa ribu tan barang muatan diimport dan dieksport melalui Terminal Kontena Kelang pada tahun-tahun berikut, 1987, 1988, 1989 dan sehingga bulan Oktober 1990;
- (b) apakah sebab-sebab kesesakan yang dialami di Terminal Kontena Kelang;
- (c) apakah langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang telah dilaksanakan dan akan dibuat bagi mengelakkan kesesakan Terminal Kontena Kelang.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa unit pengiraan yang lazimnya digunakan bagi aktiviti di Terminal Kontena ialah T.E.U. atau dengan izin, twenty foot equivalent unit. Jumlah kontena yang dikendalikan di Kelang Container Terminal bagi tempoh 1987 hingga bulan Oktober 1990 ialah:

1987	273,335 T.E.U.
1988	319,557 T.E.U.
1989	393,957 T.E.U.
Januari hingga Oktober 1990	402,676 T.E.U.

- (b) Walaupun jumlah kontena import dan eksport yang dikendalikan melalui Terminal Kontena ini telah jauh meningkat keadaannya adalah terkawal dan jumlah ini telah dapat dikendalikan dengan sempurna. Jumlah yang diurus melalui Terminal ini sepanjang tempoh 1987 hingga 1990 telah dapat ditampung dengan keupayaan yang sedia ada di Terminal tersebut. Walau bagaimanapun saya ingin menekankan bahawa kecekapan di mana-mana Terminal Pelabuhan adalah saling bergantung kepada khidmat sokongan oleh pengusaha pengangkutan, gudang simpanan, pengimport dan wakil-wakil penghantaran mereka. Tahap kecekapan di Terminal secara langsung boleh terjejas jika berlaku kegagalan dalam khidmat sokongan dan sebaliknya. Dalam keadaan sedemikian, kerjasama semua pihak mencari penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang menjadi perlu. Buat masa ini kemudahan di Terminal Kontena boleh menampung keadaan biasa. Walau bagaimanapun, bagi tahun-tahun 1991 dan berikutnya, adalah dijangka jumlah kontena memerlukan peningkatan keupayaan yang sekarang ini dan pihak Kelang Container Terminal telah diberikan kelulusan untuk membina kemudahan tambahan dan kini sedang menguruskan hal ini dengan pihak Lembaga Pelabuhan Kelang bagi peringkat perlaksanaannya.
- (c) Untuk menjamin keupayaan dan kecekapan dalam Terminal akan terus terjamin, pihak Kelang Container Terminal telah memesan alat tambahan seperti keren, straddle carrier dan prime mover, yang baru untuk memenuhi keperluan tambahan. Syarikat itu juga akan

melaksanakan beberapa program menambah keupayaan termasuk pengubahsuaian dermaga dan pembesaran yad kontena pada tahun 1991 ini. Ini dianggarkan akan menambahkan keupayaan Terminal tersebut hampir 30% dan dijangka menampung keperluan yang dikenalpasti hingga pertengahan dekad sembilan puluhan.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa punca utama kontena lambat diangkut disebabkan oleh ketidakcekapan urusan pengangkutan yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat pengangkutan yang telah diberi lesen. Jika sedar, apakah Kerajaan akan mendapatkan perkhidmatan yang lebih baik dengan memberi lesen kepada MISC dan KTM bagi kerja-kerja pengangkutan? Dan setakat ini berapa banyakkah peralatan seperti keren, straddle carrier dan prime mover, dengan izin, dan lain-lain lagi telah ditambah untuk menjadikan kerja-kerja pemunggaan berjalan lancar?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, punca utama kelambatan seperti kata Yang Berhormat tadi itu bukan kelambatan itu berlaku sepanjang masa. Ianya berlaku pada keadaan yang paling sibuk iaitu yang dipanggil "peak period" terutamanya semasa musim perayaan, sama ada perayaan hari Krismas, Tahun Baru Cina, Hari Raya Puasa dan cuti-cuti awam yang bersambung pula dengan hujung minggu iaitu bila cuti awam jatuh pada hari Isnin bersambung dengan hujung minggu banyakkah terkumpul kontena-kontena. Ianya berlaku pada masa-masa yang berkenaan.

Yang Berhormat tadi bertanya mengenai pemberian lesen. Sebenarnya pihak Kerajaan telahpun meluluskan permit pengangkutan kontena kepada MISC iaitu sebagai satu usaha menambah perkhidmatan haulier,

dengan izin, dan MISC dijangka akan memulakan operasinya pada tahun ini. Begitu juga Kerajaan telah meluluskan limited haulage licence, dengan izin, kepada KTM di mana KTM juga akan memulakan perkhidmatannya tahun ini.

Yang Berhormat juga bertanyakan mengenai tambahan alat-alat. Tambahan alat-alat di Kelang Container Terminal yang ada hari ini iaitu gentry crane sebanyak 5 buah akan ditambah, satu pada tahun 1991 dan dua pada tahun 1992. Straddle carrier ada 33 sekarang ini dan akan ditambah 7 pada tahun 1991 ini dan traktor ada 36 sekarang. Forklift akan ditambah 3 pada tahun ini. Prime mover akan diadakan sebanyak 20 dalam tempoh 1991 dan 1992. Saya harap Yang Berhormat puas hati.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu berapakah syarikat-syarikat yang telah diberikan lesen untuk mengangkut kontena daripada Container Terminal di Kelang? Sejauh mana yang saya dapat tahu hanya 4 syarikat telah dilesenkan dan memandangkan di Singapura kita terdapat lebih kurang 50 syarikat yang telahpun dilesenkan dan kecekapan Pelabuhan Singapura ialah disebabkan oleh 50 syarikat yang telah dilesenkan ini. Saya ingin dapat tahu sebab apakah Kerajaan kita tidak boleh melesenkan lebih syarikat untuk pengangkutan kontena-kontena khasnya sebab apa lesen-lesen ini tidak boleh diberi kepada pihak swasta?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat memahami mengenai permintaan atau demand and supply, sudah tentulah kita tidak perlukan sampai 50 syarikat untuk mengendalikan 400,000 kontena dan kita tidak hendak juga syarikat-syarikat kita semuanya rugi pula apabila sudah ramai sangat untuk mengendalikannya kerana tak cukup barang hendak diangkat. Dan seperti yang kita maklum, modal-modal juga begitu tinggi sekali untuk

mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan haulier ini dan memandangkan bahawa ada peningkatan, ada jangkaan 30% peningkatan dalam kontena-kontena import-eksport ini, maka sebab itulah Kerajaan menambah iaitu menambah dua lagi syarikat yang diberi lesen haulier ini iaitu MISC dan KTM selain daripada Kontena Nasional dan Shahpadu.

BEKALAN AIR PAIP— PEMBAZIRAN

5. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah tindakan yang diambil untuk mengurangkan pembaziran bekalan air paip yang dianggarkan pada kadar 43% pada masa ini. Adakah penyelewengan-penyelewengan oleh pembaca-pembaca meter menyumbang kepada pembaziran ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan kajian mengenai pembaziran bekalan air paip di seluruh negara pada tahun 1989. Hasil daripada kajian ini, program-program berikut telah dicadangkan bagi melaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Yang Keenam:

- (a) mengawal dan mengurangkan kehilangan air;
- (b) menukarkan meter air;
- (c) membaikpulih sistem agihan air; dan
- (d) ditubuhkan di Cawangan Bekalan Air Ibu Pejabat JKR satu unit khas untuk menyelaraskan dan membantu pihak berkuasa air di negeri-negeri dari segi kaedah pengawalan air yang kehilangan hasil itu.

Matlamat program-program tersebut ialah untuk mengurangkan kehilangan

air yang tidak berhasil ini daripada 43% kepada 32% pada tahun 1995.

Unsur-unsur terbesar yang menyebabkan kehilangan air adalah seperti berikut:

- (a) kebocoran paip, 32%;
- (b) kekurangan ketetapan meter air, 9%; dan
- (c) kehilangan lain seperti kecurian, penyelewengan pembaca meter, jika ada, dan sebab-sebab yang lain 2%. Oleh sebab itu, penyelewengan pembaca meter jika berlaku, adalah merupakan unsur yang kecil sahaja, cuma ada satu-dua kes yang terjumpa di dalam tahun yang lepas.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi, Timbalan Menteri mengatakan langkah-langkah pembaziran telah diambil dan mengawal air untuk mengurangkan daripada pembaziran dari kebocoran paip (32%), tetapi saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerana kebanyakan paip yang besar-besar bocor sehari-harian ataupun berpuluh-puluh jam dan bila diberitahu oleh orang-orang yang bertanggungjawab, tidak juga siapa datang mengawasinya.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut. Seperti yang saya telah menerangkan di Dewan ini kelmarin, operasi bekalan air adalah di tangan Kerajaan Negeri. Sungguhpun begitu, Kerajaan Pusat atau Kerajaan Persekutuan akan berbincang dan mengambil tindakan dengan Kerajaan Negeri supaya membaiki perkara ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Larut juga, dalam Rancangan Malaysia Yang Keenam ini kita akan memperuntukkan sejumlah \$168 juta untuk membaiki kebocoran-kebocoran paip itu.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka. Air di Melaka. (*Ketawa*)

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, beri petunjuk.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana saya tertarik dengan jawapannya tadi tentang punca-punca kehilangan air, sama ada kehilangan air boleh berlaku kerana terdapat sabotaj dan saya tidak tahu macam mana sabotaj boleh berlaku. Tetapi sama ada ia boleh berlaku menerusi sabotaj, sehingga ampangan air kering seperti yang berlaku di Melaka di mana tidak ada air langsung. Saya pun tidak faham mengapa ia boleh berlaku begini. Apakah penyelewengan-penyelewengan yang berlaku yang boleh menyebabkan bukan sahaja ampangan di Durian Tunggal yang tidak ada air tetapi juga di kawasan-kawasan tadahan air yang lain di negeri Melaka.

Yang kedua, mengenai sistem zoning, sistem agihan air yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, mengapakah satu sistem zoning tidak boleh dilaksanakan supaya membolehkan catuan air dibuat untuk sesuatu kawasan pada sesuatu hari supaya air boleh dapat diagihkan kepada satu tempat ke satu tempat untuk memastikan bahawa setiap tempat ada air.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, di sini ada dua soalan. Soalan yang pertama berkenaan dengan sabotaj. Pihak Kementerian ini sedang mengkaji sama ada ada sabotaj atau tidak, tetapi kekurangan air di dalam negeri Melaka, sebabnya bukan oleh sabotaj. Setakat ini sebab yang pertama yang asas itu adalah kekurangan hujan yang turun, yang lebih rendah daripada kadar biasa dan di samping itu sebahagian besarnya turun di luar kawasan tadahan air. Itu asas pertama. Sama ada sabotaj itu adalah suatu sebab atau tidak, pihak Kementerian ini akan mengkaji.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, sebenarnya Kementerian ini telah

mengadakan satu kajian yang menyeluruh supaya bekalan air boleh bertambah baik pada tahun-tahun yang akan datang.

TANAH TERBIAR— RANCANGAN PEMBANGUNAN

6. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan bahawa tanah terbiar yang luasnya kini sekitar 1900,000 hektar adalah isu yang sudah lama disedari:

- (a) apakah menyebabkan pembangunannya juga terbiar begitu lama dan hingga ini tidak ternampak ada rancangan konkrit Kerajaan atas perkara ini bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi penduduk luar bandar; dan
- (b) adakah rancangan keadaan ini sebagai bukti yang Kerajaan tidak ada idea untuk merancang pembangunan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato' Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang menyedari kewujudan tanah terbiar di negara kita ini. Walau bagaimanapun, mengikut kajian yang dijalankan pada tahun 1978, tanah terbiar yang dikenalpasti hanya berjumlah 565,000 hektar.

Dakwaan bahawa Kerajaan tidak membuat sesuatu rancangan untuk membangunkan kawasan berkenaan adalah tidak benar kerana sejak awal tahun 80an FELCRA telah mula membangunkan tanah-tanah terbiar ini untuk dijadikan kawasan pertanian yang produktif serta memberikan hasil kepada pemilik-pemilikinya iaitu selaras dengan konsep serta matlamat pembangunan luar bandar secara keseluruhannya.

Sehingga akhir tahun 1990 FELCRA telah memulihkan kira-kira 247,590 hektar. Daripada jumlah ini kira-kira

110,000 hektar telah dipulihkan dalam Rancangan Malaysia Kelima dari tahun 1986-1990.

Di samping usaha FELCRA, Kementerian Pertanian juga telah memulihkan sawah terbiar seluas 30,681.6 hektar sejak tahun 1981. Usaha-usaha ini akan diterus dan dipesatkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan terus berusaha untuk memulih dan memajukan tanah-tanah terbiar ini bersama-sama dengan agensi-agensi pembangunan lain seperti Kementerian Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang dan sebagainya.

Dengan keterangan-keterangan di atas, jawapan kepada soalan (b), adalah tidak benar.

Dr Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat berikan butir-butir mengenai pemilikan tanah terbiar. Apakah kesan rancangan menstandardizekan Enakmen Tanah Simpanan Melayu ataupun Malay Reserve Enactment untuk membenarkan tanah kawasan simpanan Melayu digadaijanji kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan? Adakah betul isu pembaharuan tanah tidak ada kena-mengena dengan pembangunan luar bandar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar tidak lama dahulu.

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama, butir-butir pemilikan, saya tidak ada butir-butir lanjut pada hari ini. Berkenaan dengan kesan Enakmen Tanah Simpanan Melayu, saya tidak dapat mengaitkan dengan soalan asal mengenai perkara tanah terbiar. Berkenaan dengan soalan yang ketiga, iaitu zon pembaharuan tanah, saya tidak berapa faham apa yang

dimaksudkan dengan zon pembaharuan tanah. Ulang lagi sekali, yang ketiga?

Dr Kua Kia Soong: Tidak lama dahulu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab kepada satu soalan saya mengatakan bahawa isu pembaharuan tanah atau land reform tidak ada kena-mengena dengan isu pembangunan luar bandar, adakah itu betul?

Dato Mohamed bin Jamrah: Sebenarnya takrifan land reform itu adalah berbagai-bagai. "Land reform" seperti yang difahami dari konsep komunisme kita tidak buat, kita buat land reform dari segi pembukaan penyatuan dan pemulihan tanah seperti yang dilaksanakan oleh FELDA dan FELCRA, itu ada kena-mengena dengan pembangunan luar bandar.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan yakin dengan amalan biasa ataupun usaha-usaha seperti yang dilakukan selama ini tidak dapat menyelesaikan masalah dan kita sudah masuk dalam Rancangan Malaysia Keenam hari ini, adakah Kerajaan akan mengkaji dan merancang untuk mengadakan cara-cara lain ataupun usaha-usaha baru bagi mengatasi masalah tanah yang terbiar ini supaya ianya dapat diselesaikan dan disempurnakan dengan baik?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu keliru. Kerajaan hanya melaksanakan pembangunan tanah terbiar bermula pada tahun 1983, bukan bermula daripada Rancangan Malaysia yang Pertama. Jadi, dalam jangkamasa tujuh tahun Kerajaan hampir menyelesaikan 50% daripada tanah terbiar, jadi kita tidak memerlukan amalan luar biasa seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat dan kita akan meneruskan dengan amalan biasa yang berjaya pada hari ini.

REFRESHER COURSE BAGI PEMANDU KERETA

7. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sama ada ia benar bahawa para pemandu kereta yang memegang lesen untuk beberapa tahun lamanya akan dikenakan ujian semula seperti mana yang disarankan oleh beliau pada 22 September 1990. Jika ya, apakah asas yang digunakan. Apakah kebaikan dan keburukannya jika dasar tersebut dikuatkuasakan; dan
- (b) jika tidak benar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan standard pemanduan kenderaan di negara ini dapat dipertingkatkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, pada 22hb September 1990, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah memaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan akan menimbang cadangan menjalankan kursus atau ceramah pemulihan, dengan izin, refresher course bagi pemegang lesen memandu yang sedia setiap lima atau sepuluh tahun, dan bukan ujian semula seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dalam soalan. Ini disebabkan oleh kerana semasa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan melancarkan pertandingan keselamatan jalanraya pada bulan tersebut, beliau mendapati beberapa orang pemandu tidak mahir dalam kanun lebuhraya apabila Yang Berhormat Menteri menyoal.

Walau bagaimanapun, setelah menimbang cadangan tersebut, Kementerian Pengangkutan berpendapat bahawa terdapat banyak buku-buku dan risalah-risalah yang sedia ada untuk pemandu-pemandu mengemaskinikan pengetahuan mereka. Semua peruntukan Undang-undang termasuk

isyarat-isyarat lalu lintas adalah diwartakan dan sekiranya orang awam berkehendakkannya, Kementerian Pengangkutan boleh mengedarkan kepada pihak mereka apabila diminta dari masa ke semasa.

Pihak swasta juga menerbitkan buku-buku untuk penjualan kepada orang awam yang memberi panduan tentang cara-cara pemanduan yang baik serta perkembangan dalam isyarat-isyarat atau tanda-tanda lalu lintas yang baru. Di samping itu beberapa syarikat swasta yang besar juga menjalankan kursus pemulihan ataupun latihan in-house, dengan izin, untuk pemandu-pemandu yang bekerja dalam organisasi-organisasi mereka. Sebilangan syarikat-syarikat ini juga membuka kursus mereka kepada pihak orang awam seperti pemandu-pemandu kenderaan berat.

Pada keseluruhannya, untuk mempertingkatkan mutu pemandu-pemandu di negara ini, sama ada mereka yang telah lama atau baru sahaja memegang lesen, Kementerian Pengangkutan bersama Jabatan Pengangkutan Jalan telah memperkenalkan kurikulum baru sekolah memandu. Kurikulum yang baru ini berasaskan konsep pemanduan berhemat dan setakat ini semua institusi memandu moden yang berjumlah 7 buah di negara ini adalah memberi pengajaran dalam kurikulum tersebut. Buku teks mengenai kurikulum baru ini dan buku soalan serta jawapan akan dicetak tidak lama lagi untuk mempermudah rujukan oleh calon-calon ujian memandu dan pihak-pihak lain yang berminat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Menteri Pengangkutan telah mengaku salah dan meminta maaf selepas mengeluarkan kenyataan tersebut? Adakah benar bahawa Kementerian Pengangkutan telah menghantar satu rombongan untuk membuat kajian di Australia pada tahun yang lepas. Kalau ada, apakah hasil lawatan tersebut dengan enam pegawai

dari Kementerian tersebut. Apakah terjadi dengan Jawatankuasa Kabinet mengenai keselamatan jalan, sama ada Jawatankuasa ini masih berkuatkuaasa, masih berjalan, masih mengawasi keselamatan jalan di dalam negara ini dan adakah Jawatankuasa ini berjaya untuk menuju ke matlamat di mana 30% bilangan kemalangan akan dikurangkan pada tahun 2000 dan adakah benar bahawa

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu sudah cukup, itu sudah empat soalan.

Dr Tan Seng Giaw: Ini kait mengait, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan tiga tetapi kali ini biarlah. Cukuplah Yang Berhormat, sudah empat soalan itu.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah benar, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan soalan yang seterusnya. Cukuplah.

Dr Tan Seng Giaw: Ada kait mengait, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar bahawa Menteri Pengangkutan mengaku salah dan meminta maaf kerana maksud beliau ialah mengadakan refresher course, bukannya ujian semula. Kalau ujian semula rasa saya kita semua pun tidak setuju, semua orang kena pergi test semula—teruklah nampaknya. Rombongan yang dihantar ke Australia, benar kita telah menghantar satu rombongan ke Australia untuk membuat kajian dan membuat perbandingan dari segi Kanun Lebuhraya, dari segi tanda-tanda isyarat, dari segi amalan-amalan yang dilakukan di Australia dan rombongan ini telahpun memberikan cadangan-cadangan. Jadi, salah satu

daripada perkara yang dibawa balik itulah dia—refresher course tadi itu adalah salah satu yang diusahakan di Australia, kita hendak cuba tengok macam mana cara kalau boleh.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, beri dia jawab dahulu. Sudahkah habis?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Ada lagi. Soalan dia tidak habis jawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Jawablah dahulu, beri habis. (*Ketawa*)

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Kalau hendakkan detailnya, memang tidak ada pada saya, Yang Berhormat, bolehlah minta notis. Jawatankuasa Kabinet masih ada, masih wujud. Jawatankuasa Kabinet pun belum lagi setahun usianya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ini tidak sabar sangatlah! (*Ketawa*)

Jadi, Jawatankuasa Kabinet masih berjalan dan sudahpun beberapa kali saya jawab di Dewan ini rancangan-rancangan yang hendak dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kabinet tetapi belumlah sempat hendak laksanakan semuanya lagi. Jabatan Keselamatan Jalanraya yang kita hendak tubuh pun belum lagi sempat kita tubuhkan. Jadi, saya harap Yang Berhormat kena bersabar dahulu, memang matlamat kita hendak kurangkan kemalangan di jalanraya sehingga 30% tahun 2000, ini baru tahun 1991.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri bersetuju dan ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan mencadangkan, sila bertanya.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain: Adakah Kerajaan bercadang untuk mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan bagi memasukkan kemahiran memandu ke dalam kurikulum sekolah umpamanya di dalam mata-pelajaran Kemahiran Hidup.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Jawatankuasa Pendidikan di bawah Majlis Keselamatan Jalanraya dipengerusikan oleh wakil Kementerian Pendidikan sendiri dan segala usaha-usaha di bawah Majlis Keselamatan Jalanraya yang berkaitan dengan pendidikan adalah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Pendidikan ini. Dan setakat ini belumlah kita masukkan sebagai kurikulum di dalam sistem pendidikan kita tetapi kita masukkan mengenai keselamatan jalanraya ini di dalam ko-kurikulum iaitu setiap sekolah digalakkan menubuhkan kelab-kelab keselamatan jalanraya supaya anak-anak kita, bahkan daripada peringkat pra-sekolah lagi iaitu tadika dan sekolah rendah sudahpun disediakan buku kurikulum untuk aktiviti-aktiviti keselamatan jalanraya ini oleh Jawatankuasa Pendidikan.

PERGERAKAN NEGARA- NEGARA BERKECUALI— PENYERTAAN MALAYSIA

8. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Luar Negeri menyatakan sudah berapa lamakah Malaysia menyertai Pertubuhan Negara-negara Berkecuali dan apakah sumbangan Malaysia yang terbesar kepada pertubuhan ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menyertai Pergerakan Negara-negara Berkecuali sejak tahun 1970, dan telah pertama kalinya menghadiri Mesyuarat Persiapan Pergerakan Negara-negara Berkecuali di Dar Es

Salaam, Tanzania pada 13-17 April, 1970.

Semenjak menjadi ahli, Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam beberapa isu politik antara-bangsa, terutamanya dalam usaha Pergerakan Negara-negara Berkecuali mencari penyelesaian terhadap krisis di Afghanistan, isu apartheid, masalah di Namibia, Kampuchea dan Palestin. Malaysia, dengan kerjasama beberapa ahli Pergerakan tersebut, telah juga berusaha mendapatkan kata sepakat masyarakat antarabangsa mengenai isu Antartika, untuk menjadikannya hak warisan semua negara di dunia ini.

Dalam bidang ekonomi pula, Malaysia telah memberi sumbangan penting, terutamanya dalam menonjolkan keadaan ketidakseimbangan ekonomi yang kini wujud di antara negara-negara maju dengan negara-negara membangun. Dalam hubungan ini, Malaysia telah menjadi penggerak utama di kalangan negara-negara ahli Pergerakan Negara-negara Berkecuali kepada penubuhan Suruhanjaya Selatan-Selatan (South Commission), dengan izin, dalam usaha memperbaiki keadaan ekonomi negara-negara membangun serta merapatkan jurang perbezaan yang wujud kini.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tindakan Malaysia melalui pertubuhan ini ke arah berusaha bagi mewujudkan perdamaian di Teluk?

Yang kedua, apakah sumbangan ataupun khidmat pertubuhan ini yang pernah diberi kepada Malaysia?

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, secara pergerakan, Negara-negara Berkecuali tidaklah membuat apa-apa usaha untuk mencari usaha damai bagi Krisis Teluk tetapi sebagai ahli-ahli persendirian hanyalah anggota-anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali telah pun berusaha untuk mencari jalan keluar ke

atas Krisis Teluk seperti negara-negara Mesir, Jordan dan sebagainya.

Bagi soalan yang kedua, sumbangan Pergerakan ini kepada Malaysia ialah dengan adanya Pergerakan ini maka Malaysia dapat mengutarakan isu-isu antarabangsa yang mana seperti yang saya katakan sebentar tadi masalah ekonomi kini terdapat tidak seimbang di antara negara-negara maju dan negara-negara membangun, maka Malaysia telah dapat menggunakan Pergerakan ini untuk menyampaikan pendapat, saranan dan pendirian Malaysia untuk di-pertimbangkan oleh negara-negara maju agar suatu sistem ekonomi yang lebih saksama dapat diwujudkan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, apakah peranan sudah dimainkan oleh Malaysia dalam menggerakkan pertubuhan ini dalam perbincangan GATT khasnya dalam Uruguay Round yang sudah berakhir di Brussels baru-baru ini. Nampaknya ianya sudah hampir gagal. Apakah kesannya Pertubuhan Negara-negara Berkecuali ini sudah dapat memandangkan bahawa ini boleh jadi satu blok dari segi perbezaan di antara dunia utara dengan dunia selatan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawasanya Pusingan Uruguay baru-baru ini di Brussels gagal yang mana ini amat tidak disukai oleh kita sebagai sebuah negara membangun ataupun negara kecil. Itu sebabnya mengapa habis sahaja keputusan dibuat di Brussels tentang kegagalan GATT, Perdana Menteri kita sendiri telah mengutarakan supaya diwujudkan EAEC, dengan izin, East Asia Economic Council, untuk kita berusaha mencari jalan untuk berpakat dengan negara-negara di Asia Timur, agar dapatlah kita protect ataupun kita selamatkan ekonomi negara-negara Asia Timur ini daripada sistem yang berblok-blok yang kini wujud di Eropah contohnya, di

Amerika Syarikat satu lagi contoh. Dan ini jelas menunjukkan bahawasanya kita amat sedar dan menggunakan Pergerakan Negara-negara Berkecuali serta juga negara-negara di Asia Timur ini untuk menjaga dan melindungi kepentingan kita.

MALAYSIA BERDIKARI DALAM PENGELUARAN MAKANAN

9. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) memandangkan Iraq menghadapi sekatan bahan makanan luar, maka adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah dasar supaya Malaysia berdikari dalam makanan bagi mengelakkan penggantungan kepada pihak luar; dan
- (b) adakah ura-ura Malaysia hendak melabur dalam sektor per-sawah di Tanah Besar China akan diteruskan. Jika ya, tidakkah ada apa risiko dalam pelaburan seperti itu.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana cadangan Yang Berhormat dari Bachok untuk mengubah dasar supaya Malaysia berdikari dalam pengeluaran makanan diasaskan kepada keadaan embargo makanan di Iraq maka bagi menjawabnya, Yang Berhormat tentu sedar bahawa keadaan di Malaysia adalah berbeza dari keadaan di Iraq. Malaysia tidak berhasrat menawan mana-mana negara asing. Hasrat Barisan Nasional untuk menawan balik negeri Kelantan dan Sabah dengan cara politik tidaklah dapat dibandingkan dengan penaklukan Iraq ke atas Kuwait (*Ketawa*).

Soalan Yang Berhormat dari Bachok ini jelas menumpukan perhatian lebih kepada pengeluaran makanan dan tidak kepada masalah rakyat. Kerajaan Barisan Nasional pula lebih memberi perhatian kepada kepentingan rakyat dari barang yang dikeluarkan.

Untuk maklumat Yang Berhormat dari Bachok, banyak negara di dunia ini yang mengeluarkan makanan yang berlebihan dari keperluan rakyat tetapi ada di kalangan rakyatnya yang kebuluran sedangkan di Malaysia keadaannya sebaliknya. Membeli makanan yang lebih murah dari luar negeri adalah lebih menguntungkan rakyat kerana kemurahan harganya di pasaran.

Menggalakkan rakyat menggunakan tanah untuk mendapat hasil pertanian yang rendah harganya, hanya menggalakkan pertumbuhan kemiskinan. Bagi rakyat yang sudah terperangkap kerana keadaan tanah dan sebagainya dengan kegiatan pertanian yang rendah pendapatannya, pihak Kerajaan memberi subsidi dan bantuan lain. Kerajaan juga menggalakkan usaha mempelbagai jenis pertanian, ternakan dan usaha perikanan.

Walau bagaimanapun, pihak negara tetap mempunyai, membekal dan mengeluarkan peratus makanan yang diperlukan dan pihak Kerajaan tetap menyimpan makanan yang cukup untuk tujuan keselamatan.

Mengenai cadangan penanaman padi di China, pihak Malaysia telah ditawarkan dengan rasminya pada 27 November 1990, tanah seluas 13,300 hektar oleh Pihak Berkuasa Wilayah Hainan di Republik Rakyat China untuk tanaman padi dan jagung. Oleh kerana pihak Kerajaan tidak berhasrat untuk melabur di China, maka terserahlah kepada pihak swasta untuk mengkaji kemungkinan ini.

Jawapan kepada soalan Yang Berhormat mengenai ada atau tidaknya risiko bagi pelabur Malaysia yang ingin menanam padi di China, adalah jelas iaitu ada. Mengikut ajaran Islam riba dan untung hampir sama sifatnya tetapi Tuhan telah mengharamkan riba dan menghalalkan untung. Dalam keadaan biasa pelaburan yang pasti beruntung tanpa risiko menelurkan riba. Semua pelaburan yang mempunyai potensi

keuntungan ada risikonya. Oleh itu sebarang pelaburan oleh pihak swasta Malaysia di China pasti ada risiko, dalam menguruskan risiko inilah keuntungan boleh diperolehi.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, mungkin apa yang berlaku di Teluk itu keadaannya adalah berlainan dengan apa yang berlaku di Malaysia. Jadi, yang anihnya kita mungkin ditakluki oleh negara kecil. Yang selalu menggertak kita dan yang menceroboh negara kita adalah sebuah negara yang kecil. Ini adalah reverse kepada apa yang berlaku di Teluk. Jadi, kemungkinan berlakunya huru-hara dan peperangan di kawasan ini adalah bukan satu perkara yang di luar dugaan. Jadi, soalan saya, saya mencadangkan supaya kita mengadakan bekalan makanan yang cukup atau self sufficient. Adalah satu

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya, Yang Berhormat?

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Adalah sesuatu yang wajar

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya tidak ada. Yang Berhormat mencadangkan supaya diadakan bekalan makanan yang sewajarnya ataupun secukupnya. Jadi tidak ada soalan. Ya, Bachok.

Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian tadi. Apa yang saya dapat faham ialah bahawa Malaysia mempunyai makanan yang cukup. Soalan saya yang pertama ialah, sekiranya perang Teluk meletus tentulah rakyat Iraq bukan sahaja menghadapi tekanan makanan, malah perubatan dan sebagainya yang lebih hebat lagi daripada itu. Soalnya adakah Kerajaan Malaysia bersedia untuk memberikan bantuan makanan kepada Iraq jika

sekiranya diminta dan jika ya, iaitu Kerajaan Malaysia bersedia untuk memberikan makanan kepada Iraq, apa ertinya sokongan Malaysia terhadap tindakan Amerika kepada Iraq?

Datuk Seri Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat tanya mengenai masalah makanan tidak cukup di Malaysia, sekarang masalah makanan tidak cukup di Iraq pula, saya ingat ini kena tanya lainlah.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE KOREA

10. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Luar Negeri menyatakan berhubung dengan lawatan Perdana Menteri ke Korea baru-baru ini:

- (a) tajuk-tajuk yang dibincangkan dengan negara Korea semasa lawatan tersebut;
- (b) kesan-kesan lawatan tersebut khasnya kepada pelaburan negara-negara asing di negara ini.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telahpun dijawab pada 19hb Disember, 1990 semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pagoh. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

LESEN TEKSI KEPADA PEMANDU

11. Dr V. David minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau ingin mengeluarkan lesen-lesen teksi kepada semua pemandu teksi sebagai mata pencarian dan bukan mengeluarkan lesen-lesen ini kepada pihak yang lain.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini hanya bagi kawasan Lembah Kelang, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Petaling

Jaya dan Shah Alam, lesen-lesen teksi dikeluarkan kepada syarikat sahaja dengan tujuan mempertingkatkan perkhidmatan teksi di kawasan tersebut. Di lain-lain kawasan, lesen-lesen teksi masih dikeluarkan kepada orang perseorangan/pemandu dan syarikat. Selain daripada itu, lesen-lesen bagi kereta sewa juga adalah dikeluarkan kepada syarikat dan orang-orang perseorangan/pemandu.

Pihak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan sememangnya mengeluarkan lesen-lesen teksi/kereta sewa kepada pemohon-pemohon yang layak sama ada kepada syarikat ataupun kepada orang perseorangan/pemandu sebagai mata pencarian. Bagi kawasan Lembah Kelang, walaupun lesen-lesen teksi dikeluarkan kepada syarikat sahaja, pemandu-pemandu teksi adalah juga pemegang saham dalam syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 23 adalah diberi di bawah ini.)

MALAYSIA TITANIUM CORP.— PENCEMARAN

12. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan kenapa Malaysia Titanium Corp. dibenarkan beroperasi semula di Kawasan Perindustrian Bukit Merah, Ipoh selepas ditutup oleh kerana pencemaran. Apakah langkah-langkah baru yang diambil oleh pihak pengusaha untuk mencegah pencemaran itu berlaku semula. Sama ada langkah-langkah diambil itu mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kilang yang dimaksudkan

adalah kilang lama yang dahulunya ditutup bukan kerana sebab-sebab pencemaran, tetapi atas sebab masalah teknologi dan pengurusan. Pengurusan baru telah mengambil kilang ini dan memperkenalkan teknologi baru. Oleh itu kilang baru ini telah diberi lesen mengilang oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada 28 Ogos, 1989 dengan syarat kilang ini boleh mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Dalam hal ini, pengurusan kilang ini telahpun mengemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar laporan awal EIA pada bulan Mac 1990, dan seterusnya mengemukakan laporan EIA terperinci pada 28 September 1990.

Laporan EIA ini telahpun diluluskan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling pada 19 Disember, 1990. Oleh itu, projek ini bolehlah dilaksanakan tertakluk kepada beberapa syarat untuk menjaga alam sekitar. Di antara syarat-syarat tersebut ialah: pelepasan bendasing ke udara hendaklah mematuhi standard yang ditetapkan; air yang diproses dilarang dari dilepaskan sebaliknya hendaklah digunasemula; dan kolam enapcemar hendaklah dilapiskan dengan tanahliat untuk mengelakkan pencemaran air bawah tanah berlaku.

Bagi menentukan standard pelepasan dan kualiti udara dicapai, pengurusan kilang ini juga dikehendaki menjalankan pengawasan kualiti pelepasan, kualiti udara, bunyi bising, kualiti air daratan dan air bawah tanah. Kementerian saya akan mengawasi kilang ini untuk menentukan syarat-syarat yang ditentukan itu dipatuhi.

PULAU MENTANANI— MEMBINA KLINIK DESA

13. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan sedar tentang kedudukan Pulau Mentanani (yang terletak di bawah Pentadbiran Daerah Kota Belud) yang

begitu jauh dari tanah besar Sabah mempunyai masalah yang begitu besar kerana ketiadaan sama ada Klinik Desa ataupun Pusat Kesihatan Desa di pulau itu. Akibatnya banyak kejadian di mana ibu-ibu mengandung yang hendak dihantar ke Hospital Kota Belud mati dalam perjalanan di tengah lautan. Kalau tidak, bolehkah Kerajaan membuat kajian dengan melawat pulau itu dan mendengar masalah-masalah daripada masyarakat kampung itu sendiri. Kalau sedar, bilakah Kerajaan akan membina projek Klinik Desa atau Pusat Kesihatan Desa di pulau itu?

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Kementerian Kesihatan memang sedar bahawa Pulau Mentanani, Sabah dengan bilangan penduduk 648 orang terletak di tengah lautan kira-kira 60 batu notika (nautical) dari Kota Kinabalu.

Pada masa sekarang perkhidmatan kesihatan diberikan melalui doktor udara sekali setiap 6 minggu. Kementerian Kesihatan akan terus mengawasi keperluan penduduk-penduduk di kawasan ini dan akan meningkatkan lawatan doktor udara seawajar dengan keperluan penduduk. Cadangan untuk membina sebuah Klinik Desa di pulau ini akan dimasukkan dalam Mid-Term Review Rancangan Malaysia Keenam.

SARAWAK FIRST TRUNK ROAD—MENGETARKAN

14. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) Jadual mengetarkan Sarawak First Trunk Road System pada keseluruhannya;
- (b) jumlah wang yang sudah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk projek itu;
- (c) langkah-langkah untuk meningkatkan daya pengeluaran JKR dalam pelaksanaan projek ini supaya kerja-kerja membina

jalan raya utama tersebut akan siap dibina menurut jadual yang disediakan.

Tuan Kerk Choo Ting:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar daripada projek Sarawak First Trunk Road System telah pun siap ditarkkan sehingga akhir 1990. Bahagian-bahagian lain akan ditarkkan secara berperingkat-peringkat dan dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya pada pertengahan tahun 1993.
- (b) Jumlah peruntukan yang dicadangkan untuk projek jalan-raya utama di bawah RM6 ialah sebanyak \$379 juta.
- (c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah utama yang diambil oleh Kementerian Kerja Raya bagi meningkatkan daya pengeluaran JKR Sarawak ialah dengan menubuhkan sebuah Jawatan-kuasa Pemandu bagi menyelaraskan dan mengawasi pelaksanaan projek-projek Jalanraya Persekutuan di Sarawak supaya ianya dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Di samping itu, Kementerian Kerja Raya serta JKR Persekutuan telah memberi bantuan dari segi teknik dan pengurusan kepada JKR Sarawak di samping mengadakan kursus-kursus di dalam bidang pengurusan projek bagi meningkatkan kemahiran pegawai-pegawai yang terlibat dengan pelaksanaan projek.

**AKADEMI ISLAM DI
KELANTAN**

15. Dr Sanusi Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan pembinaan kampus tetap Akademi Islam

di Bachok, Kelantan. Jika tidak, mengapa. Dan jika ya, nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Akademi Islam tidak akan dibina di Bachok, Kelantan tetapi ia akan dibina di tapak yang sedia ada di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Ini adalah bertujuan bagi kenaikan institusi berkenaan dari segi kemudahan bahan-bahan rujukan dan tenaga pengajar di samping melicinkan pentadbirannya yang terletak di bawah Universiti Malaya. Sepertimana yang telah diumumkan, Kementerian bercadang untuk mendirikan Politeknik bagi menampung pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Agama di tapak tersebut.

**SEKOLAH AGAMA TAUFIQIAH,
KEDAH—SIASATAN
KEBAKARAN**

16. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apa hasil siasatan yang telah dijalankan oleh sebuah siasatan Suruhanjaya DiRaja yang dibentuk berikutan dengan peristiwa kebakaran Sekolah Agama Taufiqiah, Padang Lumat, Kedah; dan
- (b) apakah laporan penuh Suruhanjaya tersebut akan diumumkan kepada orang ramai. Jika ya, bila.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Suruhanjaya Siasatan DiRaja masih lagi menjalankan siasatan dan kajiannya mengikut syarat-syarat rujukan perlintikannya. Laporan Suruhanjaya tersebut akan diserahkan kepada Kerajaan sebaik sahaja siasatan dan kajian tersebut selesai dilakukan. Kerajaan akan menimbangkan kelak sama ada wajar diumumkan hasil siasatan ini kepada orang ramai.

**NELSON MANDELA KE
MALAYSIA—SAMBUTAN**

17. Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah beliau berpuashati dengan sambutan dan penyertaan orang ramai di atas lawatan Timbalan Presiden ANC Tuan Yang Terutama Nelson Mandela di Stadium Negara pada 2 November 1990 yang lalu:

- (a) apakah ianya dapat menggambarkan penyertaan berbagai kaum;
- (b) atas alasan dan semangat apakah yang mendorong Kerajaan Malaysia menyampaikan bantuan sebanyak \$13 juta. Apakah bantuan seperti ini masih terlalu kecil berbanding dengan misi dan matlamat yang besar iaitu pembebasan dari “regim apartheid” dan apakah Kerajaan bercadang untuk menambah bantuan dari semasa ke semasa.

Dato’ Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Saya berpuashati dengan sambutan dan penyertaan orang ramai di rapat umum di Stadium Negara pada 2hb November 1990. Rapat umum tersebut telah menggambarkan penyertaan berbagai kaum di negara ini.
- (b) Sumbangan Malaysia sebanyak US\$5 juta atau M\$13.5 juta kepada Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) adalah sebagai menandakan rasa simpati dan sokongan kita terhadap perjuangan pergerakan pembebasan itu dan rakyat kulit hitam Afrika Selatan keseluruhannya menentang dasar apartheid. Ini adalah sesuai dengan pendirian dan peranan kita dalam isu tersebut di arena antarabangsa. Sumbangan itu juga adalah merupakan satu pelaburan negara memandangkan rakyat kulit

hitam dijangka akan menerajui pemerintahan Afrika Selatan pada masa hadapan.

Sumbangan kewangan kita itu bolehlah dianggap kecil berbanding dengan matlamat menghapuskan apartheid di Afrika Selatan. Walau bagaimanapun, sumbangan itu amat bererti kerana ia dapat meringankan beban rakyat kulit hitam dalam perjuangan mereka menegakkan hak dan keadilan di negara tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa buah negara lain turut memberi sumbangan kewangan kepada ANC bagi maksud yang sama.

Kita juga bercadang untuk memberi kemudahan latihan dan perumahan bagi pelarian-pelarian yang akan kembali ke Afrika Selatan pada masa hadapan mengikut kemampuan kita.

**SKIM CEPAT KAYA—SIASATAN
SYARIKAT USNIA**

18. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah belum ada tindakan yang diambil oleh pihak polis terhadap mereka yang mengusahakan “Skim Cepat Kaya” dengan cara mengambil deposit daripada mangsa-mangsa mereka yang dilaporkan sedang berleluasa di beberapa buah negeri pada ketika ini. Sehubungan dengan “Skim Cepat Kaya” ini, apakah kesudahan penyiasatan pihak polis dan Bank Negara terhadap kes Syarikat Kerjasama USNIA di Sabah yang diberkas oleh polis dan pegawai-pegawai Bank Negara pada tahun 1987. Ke manakah perginya wang sejumlah lebih dua ratus ribu ringgit yang dirampas oleh Bank Negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato’ Megat Junid bin Megat Ayob): Mengenai Skim Cepat Kaya ini, pihak

Kementerian ini dan juga Kementerian Kewangan telah pun banyak kali menjawab soalan-soalan yang serupa dalam sesi persidangan Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, sebagai tambahan, setakat ini sebanyak 53 laporan polis telah diterima melibatkan Skim Cepat Kaya di seluruh negara tidak termasuk USNIA. Kes-kes ini telah dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara dan telah mengarahkan Bank Negara Malaysia mengambil tindakan seterusnya.

PEKERJA WANITA BERTUGAS MALAM

19. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) tidakkah Kerajaan terfikir dengan membenarkan pekerja-pekerja wanita bertugas malam di bidang yang boleh dielakkan adalah satu bentuk eksploitasi, pemerasan dan penindasan terhadap wanita oleh Kerajaan dan masyarakat;
- (b) wajarkah Kerajaan dan swasta melayan wanita mendapat taraf persamaan dengan menugaskan mereka kerja malam kerana lelaki juga terpaksa kerja malam; dan
- (c) sila huraikan garis-garis yang difikirkan oleh Kerajaan yang patut dibuat dalam usaha memelihara dan melindungi martabat dan darjat pekerja-pekerja wanita.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek):

- (a) Membenarkan pekerja wanita bekerja pada waktu malam tidak seharusnya dianggap sebagai eksploitasi, pemerasan dan penindasan terhadap kaum wanita. Di sebaliknya ianya akan membawa faedah ekonomi kepada pekerja wanita itu sendiri serta keluarganya dan akan

menyumbang juga ke arah pembangunan ekonomi negara. Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang kebajikan kaum pekerja wanita yang bekerja syif malam. Akta Kerja 1955 memang melarang pekerja wanita dalam sektor perindustrian dan pertanian bekerja di antara jam 10.00 malam hingga 5.00 pagi. Walau bagaimanapun, majikan-majikan yang ingin menggaji pekerja wanita selepas 10.00 malam boleh memohon untuk mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah Buruh. Dalam hubungan ini, Ketua Pengarah Buruh hanya akan meluluskan sesuatu permohonan setelah berpuashati antara lain bahawa pekerja wanita berkenaan sanggup bekerja syif malam. Ini adalah untuk memastikan mereka tidak dipaksa bekerja malam oleh majikan.

- (b) Tiada dasar Kerajaan yang menekankan bahawa pekerja-pekerja wanita harus bekerja malam seperti pekerja-pekerja lelaki semata-mata untuk mencapai taraf persamaan dengan kaum lelaki. Ini adalah jelas dari perlindungan yang diperuntukkan dalam Akta Kerja 1955 mengenai penggajian kaum wanita pada waktu malam. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan kaum wanita merupakan satu sumber tenaga manusia yang penting yang dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi negara dan oleh itu adalah tidak wajar kaum wanita didiskriminasikan.
- (c) Kerajaan hanya boleh mengadakan peruntukan undang-undang untuk melindungi kebajikan kaum pekerja di tempat kerja. Dalam hubungan ini, amalan penggajian pekerja wanita yang telah berjalan sebegitu lama

dengan pengawasan teliti oleh pihak berkuasa adalah memuaskannya.

TAHANAN ISA—SEKATAN DIKENAKAN

20. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada:

- (a) sekatan-sekatan yang dikenakan ke atas bekas tahanan ISA, Teo Long Hock, Chong Kon Fatt, Loo Ming Leong dan Heng Boon Lean telah dibatalkan. Kalau tidak, mengapa;
- (b) pihak Kerajaan telah menyerahkan balik kad pengenalan kepada Teo Long Hock; dan
- (c) butir-butir orang tahanan ISA yang masih ditahan yang ditahan lama sekali serta tempoh masanya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Dua dari empat orang bekas tahanan di atas iaitu Teo Leong Hock dan Chong Kou Fatt masih dikenakan Perintah Sekatan. Perintah Sekatan ini adalah perlu dilaksanakan kepada mereka dengan tujuan untuk mengawasi pergerakan dan kegiatan-kegiatan mereka.

Walau bagaimanapun, Perintah Sekatan yang dikenakan kepada

Loo Ming Leong telahpun tamat pada 10hb Disember 1990 lagi. Sementara penggantungan Perintah Tahanan yang dikenakan kepada Heng Boon Lean pula telahpun tamat pada 20 Oktober 1990.

- (b) Teo Leong Hock adalah seorang warganegara Singapura dan perintah tahanan di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 telah dikenakan kepada beliau pada 13-6-1976 kerana penglibatan beliau dalam Parti Komunis Malaya (PKM) di negara ini. Semasa tangkapan dibuat beliau memiliki dokumen-dokumen termasuklah Kad Pengenalan Singapura bernombor S3S 1329, S4S 09685. Kad Pengenalan Singapura ini telah dirampas oleh pihak berkuasa dan mengikut peraturannya akan diserahkan kembali kepada pemiliknya apakala Perintah Tahanan tamat dan beliau akan dibebaskan.
- (c) Orang-orang Tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 paling lama sekali adalah seramai dua orang kerana terlibat dalam kegiatan pemalsuan dokumen-dokumen keselamatan. Butir-butir mengenai orang tahanan ini adalah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Nama</i>	<i>Tarikh Tangkap</i>	<i>Dikenakan Perintah Tahanan 2 Tahun (Pertama)</i>	<i>Dikenakan Perintah Tahanan 2 Tahun (Kedua)</i>
1.	Liew Peng Wah @ Ah Hew	15-5-87	14-7-87	13-7-89
2.	Yee Weng Hoi @ Ah Yee	15-5-87	14-7-87	13-7-89

KRISIS TELUK—PENDIRIAN MALAYSIA

21. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi mengelakkan peperangan di Teluk Parsi;
- (b) adakah sokongan Wakil Tetap Malaysia di Bangsa-Bangsa Bersatu menyokong usul Majlis Keselamatan bagi mengenakan tindakan ketenteraan dapat mengatasi ketegangan Krisis Teluk. Jika ya, bagaimana;
- (c) jika dengan mandat itu Amerika melancarkan serangan mengakibatkan orang-orang awam terbunuh, sedarkah Menteri bahawa Malaysia bertanggungjawab ke atasnya.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Saya telah menghuraikan dengan panjang lebar mengenai perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini pada 6hb Disember 1990, apabila menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah diberikan itu.

WARGANEGARA DILUCUTKAN KERAKYATAN

22. Tuan Shahidan bin Kassim minta Menteri Dalam Negeri menjelaskan mengenai:

- (a) bilangan warganegara yang meninggalkan negara untuk menjadi warganegara atau pemastautin tetap di negara lain dan bilangan mereka yang dilucutkan kewarganegaraan Malaysia; dan
- (b) bilangan dan warganegara asal mereka yang diberikan status pemastautin tetap di Malaysia.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Kerajaan tidak mengetahui jumlah sebenar warganegara yang meninggalkan Malaysia sama ada untuk menjadi warganegara ataupun pemastautin tetap negara lain. Ini adalah kerana Kerajaan tiada mengenakan syarat bahawa mereka perlu memberitahu Kerajaan sebelum mereka pergi ke luar negeri. Antara tahun 1985 hingga 1990 seramai 3,169 orang rakyat Malaysia telah dilucut kerakyatan mereka kerana memperoleh kewarganegaraan asing.
- (b) Bagi tempoh yang sama seramai 3,096 orang telah diberi taraf pemastautin tetap Malaysia. Kerajaan tiada menyimpan perangkaan mengikut negara asal mereka.

KERJASAMA SELATAN- SELATAN

23. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah yang mendorong Malaysia di dalam mewujudkan kerjasama Selatan-Selatan khususnya di dalam rangka kerjasama ekonomi; dan
- (b) sebutkan projek-projek yang telah dimulakan di bawah kerjasama Selatan-Selatan dan setakat mana peringkat pelaksanaannya.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Bagi menjawab soalan (a), negara-negara Selatan memang mempunyai sumber dan potensi ekonomi untuk memajukan diri masing-masing. Tetapi, apa yang menghalang mereka dari mencapai kejayaan ke arah ini ialah ketidakupayaan mereka untuk menggunakan sumber dan potensi ekonomi tersebut disebabkan kurang kepakaran

dan kemajuan teknologi. Akibatnya, mereka terpaksa bergantung kepada kepakaran dan teknologi negara-negara maju di mana kesempatan ini telah digunakan oleh mereka untuk mengaut hasil serta kekayaan negara-negara Selatan yang membawa kepada pembangunan dan kemajuan negara-negara berkenaan kurang diberi perhatian.

Bagi menyekat keadaan seperti ini dari berterusan, negara-negara Selatan perlu meningkatkan keupayaan diri mereka sendiri. Oleh hal yang demikian, kerjasama Selatan-Selatan merupakan satu keperluan strategik bukan sahaja untuk pembangunan dan kerjasama negara-negara Selatan, bahkan juga untuk menjamin negara-negara Selatan mempunyai suara yang lebih berkesan dalam urusan pentadbiran ekonomi dunia.

Malaysia sedar bahawa terdapat potensi kerjasama ekonomi dalam berbagai bidang di kalangan negara-negara Selatan yang masih belum diterokai, khususnya dalam bidang perdagangan, pelaburan, teknologi dan pemindahan teknologi. Malaysia yakin sekiranya potensi ini digunakan dengan sepenuhnya, negara-negara Selatan akan dapat membangun dengan lebih pesat lagi. Dari keyakinan inilah maka Malaysia telah memainkan peranan penting sebagai penggerak utama kepada penubuhan Suruhanjaya Selatan (the South Commission), dan seperti yang Dewan yang mulia ini sedia maklum, telah berjaya menjadi tuanrumah kepada Sidang Kemuncak Pertama G-15.

Bagi soalan (b) pula, jawapannya telah pun saya berikan di Dewan yang mulia ini pada 5hb Disember 1990, semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Larut dan juga pada 8hb Januari, 1991 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1991

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1991

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Kelima)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.19 [Jadual]—

Maksud P.19 [Anggaran Pembangunan 1991]—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan semula Kepala B.19 dan P.19 di bawah Kementerian Pertanian untuk dibahas. Ipoh.

3.35 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Ipoh): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak merujuk kepada mukasurat 80, di Butiran 140000

Tuan Pengerusi: Kertas Perintah berapa? 20?

Tuan Lau Dak Kee: Kertas Perintah 19 dan Maksud Bekalan 19, Butiran 140000, Kod 40000 berkenaan dengan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN).

Tuan Pengerusi, nampaknya tujuan untuk menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara adalah bagi menggalakkan perusahaan padi dan beras. Jika Kerajaan ingin menggalakkan perusahaan padi

dan beras, maka Kerajaan patutlah mewujudkan satu pasaran yang terbuka di mana peluang boleh diberi untuk menggalakkan dan mewujudkan satu suasana yang baik dalam perdagangan dan perniagaan bagi padi dan beras.

Dalam program LPN ini telahpun ditetapkan bahawa ia akan membeli kesemua padi yang akan dijual oleh para petani. Kalau padi yang dikeluarkan oleh petani itu kesemuanya telah dijual kepada LPN, maka tidak adalah peluang bagi pengusaha-pengusaha ataupun peniaga-peniaga padi dan beras untuk menjalankan perniagaannya. Walaupun pihak swasta akan menawarkan harga yang lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan oleh LPN itu, tetapi petani-petani tidak dapat menjualkan beras kepada pihak swasta.

Tuan Pengerusi, pengusaha-pengusaha padi dan beras, termasuk kilang-kilang pemeroses padi swasta akan mengalami masalah yang besar apabila mereka sukar hendak mendapat padi daripada petani-petani dan keduanya, mereka akan menghadapi banyak masalah, seperti, pada satu ketika dulu Kerajaan telah menggalakkan kilang pemerosesan padi diperbesarkan ataupun ditambahkan dengan mesin-mesin, di mana mereka telah meminjam wang dari institusi-institusi kewangan dan mereka kena bayar balik pinjaman itu. Tetapi jika LPN merampas peluang dengan membeli kesemua padi daripada petani, maka kilang-kilang swasta ini tidak dapat menjalankan perniagaannya dan akhirnya mereka akan mengalami kerugian dan kalau mereka tidak dapat menampung kerugian itu mereka terpaksa tutup kilang mereka. Di sini juga satu keadaan yang tidak begitu sihat berlaku, di mana kita dapati bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara telah memonopolikan pembelian padi dan beras daripada petani-petani.

Masalah-masalah akan timbul, sebab dengan tujuan LPN ini untuk memastikan petani-petani mendapat

harga padi-padi yang berpatutan dan stabil dengan menetapkan harga dasar serta memastikan harga melalui pembelian padi secara terus daripada petani. Maka bukan hanya kilang-kilang swasta ini menghadapi masalah, petani-petani pun menghadapi masalah sebab jika harga padi di dalam pasaran itu telah meningkat, maka mereka tidak boleh jual kepada sesiapa melainkan kepada LPN sahaja. Maka ini adalah bertentangan dengan tujuan menubuhkan LPN untuk membantu petani-petani yang berada di negara ini.

Tuan Pengerusi

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Arau bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lau Dak Kee: Ada lima minit sahaja. Minta maaf. Ada perkara kita bincang luar. Tidak apa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Seminit sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan, sila duduk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Semalam dia minta, saya beri.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, sila duduk.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, tujuan untuk menggalakkan adalah memberi lebih peluang kepada pengusaha-pengusaha atau peniaga-peniaga beras swasta, bukan untuk menggunakan kedudukan LPN dan menggunakan kekuatan kewangannya dan kewangannya adalah dari wang rakyat untuk bersaing dengan rakyat. Saya rasa ini satu keadaan yang tidak begitu sihat. Saya minta

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Pengerusi: Dia bangun pula, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Maaflah, tidak apalah. Ada peluang yang lain sebelum ini.

Tuan Pengerusi: Ada peluang yang lain.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau dia tidak beri, saya ganggu dia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau, dia tidak beri jalan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, kerana LPN adalah satu set-up, dengan izin, yang begitu besar dan dapat bantuan-bantuan kewangan daripada Kerajaan dan juga bantuan-bantuan daripada wang rakyat, tentulah pengusaha-pengusaha swasta ini tidak boleh bersaing dengan badan-badan yang begitu besar

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau bangun pula.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Pengerusi, saya sudah kata, saya harap Tuan Pengerusi boleh mengarahkan dia janganlah begitu degil.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya kasihan sebenarnya sebab dia tidak tahu apa yang dia bercakap. Saya kasihan betul. Kalau dia benarkan saya minta penjelasan, dia boleh bercakap dengan betul.

Tuan Pengerusi: Dia tidak benarkan, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia tidak tahu jadi saya hendak tolong beritahu.

Tuan Pengerusi: Tidak apalah. Dia tidak mahu tahu, sudahlah! (Ketawa)

Tuan Lau Dak Kee: Bukan "dia" tidak mahu tahu. Saya tidak hendak balas dengan orang yang degil ini. Tidak payahlah ya.

Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa banyak kilang pemprosesan beras dan padi ini mengalami banyak masalah oleh kerana tidak mampu untuk bersaing dengan LPN. Maka saya harap Menteri yang berkenaan dapat ambil langkah-langkah untuk mengaturkan perjalanan-perjalanan LPN ini sampai satu landasan yang betul.

Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa ada lebih kurang 100 juta lebih tanah-tanah terbiar termasuk tanah-tanah yang tidak diusahakan. Dari jawapan yang telah diberi tadi, dia kata tidak sampai satu juta. Nampaknya angka-angka saya ini termasuk angka-angka yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri. Saya dapati bahawa lebih daripada 100 juta hektar tanah di seluruh negara ini telah terbiar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Lau Dak Kee: Okay. Saya berasa aneh mengapa satu negara yang dipimpin oleh tokoh-tokoh yang cekap, bersih dan amanah dan juga mempunyai seorang yang pandai menyuruh rakyat minum air kelapa, minum koko dan sentiasa makanan di rumahnya adalah daging arnab, saya hairan mengapa Menteri tidak dapat menyuruh dan menggalakkan pengusaha-pengusaha tanah ini digunakan dengan sepenuhnya ataupun sekurang-kurangnya dengan maksimumnya. Saya mahu bertanya Menteri Pertanian mengapa orang yang ada tanah, tidak mahu mengusahakan tanah tetapi malangnya orang yang mahu tanah dan berhasrat bekerja kuat, tidak dapat tanah.

Seringkali kita mendengar Kementerian memberi berbagai-bagai alasan menyatakan mereka menghadapi masalah untuk membangunkan semula tanah-tanah yang terbiar itu dan juga

memberi jaminan-jaminan di Dewan ini akan mengambil langkah-langkah yang berkesan dan positif terhadap masalah ini tetapi sama ada tiap-tiap jaminan dan langkah-langkah positif telah diambil atau tidak, kita pun tidak tahu. Masalahnya masih terbiar tanah yang saya nyatakan itu.

Tuan Pengerusi, sampailah masa bagi Menteri Pertanian memberi satu jawapan yang tepat sama ada Kerajaan mahu atau tidak memperolehi tanah-tanah yang terbiar ini dibahagikan kepada sesiapa yang ingin mengusahakan tanah tersebut. Mungkin orang Kelantan yang lebih minat jika dapat peluang. Entahlah, Menteri yang berkenaan setuju atau tidak.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, sila yang di hadapan ini.

3.48 ptg.

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang (Sepang): Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 19, Maksud Pembangunan 19—Kementerian Pertanian, Butiran 01600—Program Membantu Golongan Termiskin, mukasurat 84.

Hampir semua jabatan dan agensi Kerajaan di dalam Kementerian Pertanian memperolehi peruntukan Program Membantu Golongan Termiskin. Jabatan Pertanian mendahului jabatan dan agensi yang lain iaitu sebanyak \$1.5 juta. Ini bererti peruntukan Program Membantu Golongan Termiskin bagi tahun 1991 lebih satu kali ganda daripada tahun lepas. Peruntukan keseluruhan bagi agensi dan jabatan ialah sebanyak \$3.8 juta, berkurangan separuh daripada peruntukan tahun 1990.

Dua perkara yang saya ingin bangkitkan di sini ialah peruntukan Program Membantu Golongan Termiskin sudahlah berkurangan dan diagih-agihkan kepada dua jabatan dan

enam agensi dan apa yang saya amat bimbang peruntukan ini sudahlah berkurangan dan sedikit ini dikuatiri tidak sampai ke kumpulan sasaran dan kalau pun sampai, adalah tidak berpada ataupun tidak berapa dapat dimanfaatkan.

Saya mencadangkan Kementerian mengarahkan kepada semua jabatan dan agensi, lebih-lebih lagi di peringkat daerah mesti diselaraskan dan disepadukan. Jabatan dan agensi tidak dibenar membelanjakan peruntukan Program Membantu Keluarga Termiskin ini secara berasingan melainkan secara bersepadu dan dibincangkan serta dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kemiskinan di peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah masing-masing.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya ingin dapat penjelasan dari Kementerian, di mana FAMA memperolehi peruntukan sebanyak \$400,000 satu jumlah yang kecil. Tetapi saya ingin tahu bagaimana FAMA bercadang untuk hendak menggunakan atau menyelaraskan bantuan-bantuan. Saya sendiri tidak berapa nampak bagaimana keberkesanan FAMA menggunakan peruntukan bantuan golongan termiskin. Saya lebih yakin jika peruntukan walaupun sedikit ini diperuntukkan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang.

Di dalam agensi-agensi Kementerian ini saya tidak dapat lihat LPP ataupun Lembaga Pertubuhan Peladang diberi peruntukan. LPP yang juga agensi di bawah Kementerian Pertanian yang lebih bertanggungjawab kepada Pertubuhan Peladang di semua peringkat adalah hampir dengan peladang, petani dan penternak. Pertubuhan Peladang Kawasan dan Unit-unit Peladang adalah bertanggungjawab secara langsung kepada ahli-ahli Pertubuhan Peladang yang mempunyai ratusan ribu ahli di seluruh negara, tidak diberi tanggungjawab yang sama iaitu berhadapan dengan golongan rakyat yang termiskin.

Tuan Pengerusi, Butiran 17600—
Pengembangan Perusahaan Menternak
Kambing Biri-biri, mukasurat 89.
Sebanyak \$2 juta peruntukan disediakan
untuk mengembang dan memperluaskan
perusahaan menternak kambing. Saya
ingin tahu sama ada Kementerian
melalui Jabatan Haiwan benar-benar
yakin dan bersungguh-sungguh untuk
hendak mengembangkan perusahaan
menternak kambing.

Saya mengemukakan perkara ini
kerana saya melihat perusahaan ternakan
kambing khususnya kambing kampung
atau kambing kacang sungguh
berkurangan dan merosot. Penternak-
penternak kecil kampung sudah mula
tidak berkeyakinan untuk meng-
usahakan ternakan kambing ini. Menurut
penternak-penternak kambing, kambing
kampung ternakannya adalah sukar dan
karenah. Kambing kampung sukar
dikawal, mudah mendapat penyakit
seperti sakit kembung, kutu dan lain-
lain, dan sukar diberi rawatan. Kambing-
kambing kampung atau kambing-
kambing kacang ataupun jenis dari luar
negeri sekalipun seperti "Ferrel" sukar
berkembang dan membiak.

Untuk tujuan ini saya suka
mencadangkan supaya Jabatan Haiwan
memberi perhatian yang bersungguh-
sungguh, serius dan komited di dalam
perusahaan ini, tidaklah dibuat secara
melepaskan batuk di tangga. Satu kajian
dan penyelidikan mestilah dibuat supaya
ternakan kambing akan maju dan berjaya
seperti ternakan lembu daging, lembu
tenusu, ayam, puyuh dan juga arnab.

Saya percaya usaha-usaha penye-
lidikan dan kajian telah dibuat dan
kunjungan-kunjungan serta lawatan
keluar negeri telah dibuat oleh pegawai-
pegawai Jabatan Haiwan termasuklah
ke negara-negara yang pengeluaran
kambing terbesar seperti Australia, New
Zealand, India dan lain-lain.

Saya tidak pasti sama ada Jabatan
Haiwan pernah menghantar pegawai-
pegawai melawat dan membuat kajian di

negara Saudi Arabia, khususnya Mekah.
Saya hairan kambing-kambing di Mekah
gemuk-gemuk, montel-montel, cantik-
cantik dan sihat. Kalau kita hendak buat
kekah harganya pun murah, yang saya
tengok kambing-kambing yang betul
serupa macam kambing kampung di
Malaysia. Saya hairan juga kerana saya
dapat kambing-kambing ini yang
pernah saya saksikan makan lumut-
lumut sahaja, sedangkan kambing-
kambing kita di Malaysia dengan padang
ragutnya yang besar.

Saya berpengalaman sendiri di
Sepang di mana saya mempunyai padang
ragut seluas 100 ekar, tetapi kambing
kampung mati, kambing "Ferrel" juga
dengan AIDSnya dibawa daripada luar
negeri, tetapi kambing-kambing di
Mekah gemuk-gemuk, montel-montel
dan kita dapat lihat turun daripada
padang pasir, turun daripada bukit-bukit
dan gunung-gunung. Jadi saya fikir tentu
ada cara ataupun penternakan yang baik
daripada Mekah supaya dapat kita
selaraskan ataupun dapat kita kaji
dan menyebabkan kambing-kambing
kampung kita ini seperti kambing-
kambing di Mekah, dan kita juga di
Malaysia mudah untuk hendak buat
kekah ataupun apa juga keperluan di
mana kambing-kambing kita ini dapat
dibiak atau diternakkan secara berkesan,
secara berjaya di dalam negara kita.
Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Jerai.

3.55 ptg.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad
(Jerai):** Tuan Pengerusi, saya ingin
menyentuh Butiran 14000 mengenai
Pemberian Subsidi Harga Padi.

Saya berterima kasih kepada
Kementerian yang mana telah
meningkatkan peruntukan bagi
pemberian subsidi harga padi kepada
petani-petani. Bagi Kedah sebagai
jelapang padi negara kita petani
mengalu-alukan sumbangan yang besar
yang diberi oleh Kerajaan dalam

membantu mereka dan menambahkan pendapatan mereka. Sungguhpun pada tahun yang lalu tambahan \$5 sepikul padi telah pun disumbangkan oleh Kerajaan ada juga setengah golongan telah mengatakan bahawa ini satu umpan bagi memenangi pilihanraya di kawasan-kawasan tersebut. Namun demikian rakyat telah pandai membuat perhitungan dan telah menentukan dan \$5 sepikul tambahan ini telahpun dinikmati bukan sahaja orang-orang UMNO, tetapi termasuk juga rakan-rakan kita dalam PAS dan juga S46. Alhamdulillah dengan tambahan ini, dengan peruntukan ini kita nampak peruntukan ini dapat menambahkan lagi pada tahun 1991 bagi Anggaran Belanjawan ini, akan menambahkan lagi pencapaian pendapatan bagi petani-petani di Kedah khasnya.

Apa yang saya hendak sarankan di sini, Tuan Pengerusi, iaitu sistem kupon yang dibuat oleh LPN kepada penanam padi. Sungguhpun sistem ini telah berjalan lama di kawasan-kawasan padi, eloklah ada satu cara baru yang lebih kemas supaya tidak ada penyelewengan berlaku dalam perkara mendapatkan subsidi harga padi ini. LPN harus memberi perhatian yang begitu berat dan mengadakan sistem yang lebih licin supaya kemudahan kepada petani-petani untuk mendapatkan subsidi harga padi yang telah disumbangkan oleh Kerajaan kepada mereka. Kalau Kementerian Pertanian telah pun mencadangkan supaya baja padi menggunakan lambang dacing dan kerana keadilan LPN telah menimbangkan padi dengan baik, apakah salahnya kalau kupon-kupon subsidi padi ini juga menggunakan lambang dacing. Oleh yang demikian, petani-petani lebih gembira lagi kerana memahami bahawa LPN adalah satu badan atau agensi Kerajaan yang benar-benar menolongkan petani dan selama ini di Kedah sejak wujudnya LPN petani-petani lebih selamat mereka daripada cengkaman orang tengah, tidak ada lintah darat yang menghisap petani-petani kita. Mereka lebih suka mem-

berikan jualan padi mereka kepada LPN, kerana LPN telah menjalankan peraturannya yang betul dan timbangan-nya yang begitu baik, yang dapat diterima oleh rakyat jelata khasnya petani-petani kita. Oleh yang demikian, eloklah juga kalaulah dalam kupon-kupon LPN ini juga kita masukkan lambang dacing ini sebagai tanda keadilan negara kita sumbangan kita kepada petani-petani kita tanpa memilih kasih.

Tuan Pengerusi, apa yang mendukacitakan saya dalam peruntukan ini kalau petani-petani telah mendapat tambahan subsidi harga padi telah meningkatkan sehingga \$128 juta bagi tahun 1991, tetapi saya tidak nampak satu peruntukan khas subsidi kepada nelayan-nelayan di pantai, kerana nelayan di pantailah yang paling miskin, yang perlukan bantuan, kerana merekalah lebih miskin daripada petani-petani yang mengerjakan sawah. Mereka perlu mendapatkan bantuan subsidi sepertimana membekalkan kepada mereka bot-bot kecil, dan enjin-enjin motor, pukuk-pukuk dan sebagainya. Kita tahu selama ini telah dihentikan peruntukan-peruntukan tersebut, jadi kita minta Kementerian Pertanian akan menimbang semula memberi subsidi ini bagi memperbaiki penghidupan mereka khasnya nelayan yang kais pagi makan pagi di kawasan-kawasan pantai di negara kita.

Kementerian juga harus mewujudkan lebih banyak penempatan semula nelayan-nelayan di tiap-tiap negeri. Kalau kita dapat menempatkan banyak petani-petani kita dalam kawasan-kawasan rancangan tanah, maka amat sukar untuk nelayan dibawa pindah masuk dalam kawasan-kawasan rancangan tanah kerana mereka tidak dapat menerima kehidupan yang berlainan dengan iklim yang mereka hidup selama ini. Oleh yang demikian, nelayan juga perlu dibina penghidupan mereka dengan menyusun semula masyarakat nelayan dengan mengadakan kampung-kampung nelayan

yang tertentu yang disesuaikan dengan keadaan zaman pembangunan dan kemajuan teknologi yang ada pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya harap peruntukan ini harus diberi perhatian juga oleh Kementerian kerana keadaan nelayan yang cuba mengubah cara hidup mereka yang miskin dengan cara membuatkan tangkapan ikan yang lebih maju dan moden, ada juga kesukaran untuk mendapatkan lesen-lesen pukat ini. Bila kesukaran mendapatkan lesen-lesen pukat ini bagi mengerjakan tangkapan ikan yang lebih jauh daripada pantai, mereka seringkali menjadi terancam dengan Undang-undang Perikanan yang seringkali disebut akan diulangkaji, akan dipinda, akan dikaji semula Undang-undang Perikanan itu terutama tentang penguatkuasaan dalam Kementerian tersebut.

Oleh yang demikian, nelayan-nelayan kecil yang telah cuba mengubah hidup mereka daripada nelayan kecil pantai menjadi nelayan yang lebih besar sedikit, selalunya menjadi mangsa kepada penguatkuasaan undang-undang sama ada daripada Jabatan Perikanan sendiri atau polis yang menyebabkan banyak nelayan telah tidak dapat

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusi Jawatankuasa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Silakan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat berhubung dengan penguatkuasaan ini. Saya ingin bertanya apakah Yang Berhormat bersetuju kita cadangkan kepada Kementerian supaya yang menguatkuasakan ini disatukan agensi-agensi

yang mana sekarang ini kita ada sekurang-kurangnya 3 ataupun 4 yang menjalankan penguatkuasaan kepada nelayan-nelayan?

Yang keduanya, apakah Yang Berhormat bersetuju supaya dari segi harta nelayan ini, Kedah dan Perlis ini kita satukanlah perairannya, kalau Yang Berhormat bersetuju.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan cadangan itu. Negeri Perlis ini negerinya kecil sangat. Kalau nelayannya selalu keluar, akan kena tangkap di kawasan Pulau Langkawi kerana Langkawi itu di perairan Kedah. Kalau boleh penguatkuasa ini kita harapkan supaya mereka cuba perhatikanlah, kalau yang masuk itu nelayan-nelayan dari luar negeri seperti dari Thailand, Indonesia, yang besar-besar kalau untuk diambil tindakan itu patutlah. Tetapi kalau nelayan-nelayan kecil yang baru mula mendapat pinjaman dari Bank Pertanian, baru mula hendak mengubah cara hidup yang lebih baik sedikit, sudah kena tangkap. Di kawasan saya tiga empat orang sudah kena tahan dan mahkamah hukum pula sampai enam bulan penjara. Ini lebih menderita kepada nelayan-nelayan yang baru cuba mengubah corak hidup mereka.

Dahulunya undang-undang ini dikatakan hendak dikaji semula tetapi saya nampak hingga sampai tahun 1991 masih tidak ada apa-apa perubahan keadaan itu. Nelayan masih lagi tersiksa dengan keadaan semacam ini. Oleh yang demikian, Kementerian haruslah memberi perhatian dan pertimbangan yang saksama kepada kedudukan nelayan-nelayan pantai yang begitu berharap mengubah cara hidup mereka dan lesen perikanan yang lebih baik harus diberi kepada mereka dan janganlah sukar untuk mendapatkan lesen ini hingga terpaksa beberapa tahun baru dapat lesen untuk hendak mengubah jenis-jenis menangkap ikan. Pukat yang jenis dahulu dengan sekarang ini diubah,

hendak diubah bot iaitu memakan masa yang lama menyebabkan kesukaran kepada nelayan yang hidup hanya kais pagi makan pagi di pantai, ya tak ya kena menghadapi laut dan mesti juga kena tangkap ikan. Kalau itu juga disekat, maka tidak patutlah mereka diambil tindakan yang begitu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Kita harap janganlah dirampas bot-bot nelayan menjadi tukun-tukun ikan. Kita lihat banyak lori-lori yang salah, tidak pernah pun kena bakar lori-lori itu. Tetapi nelayan yang miskin yang ada bot sahaja, bila salah diheret, ditarik pergi ke sana, ditangkap, dibawa ke tengah laut dijadikan tukun. Ini menyakit dan menyedihkan hati nelayan. Dengan sebab itu kekejaman ini merupakan kekejaman kepada nelayan dan saya harap Kementerian Pertanian harus mengkaji semula keadaan ini, janganlah sampai tindakan begitu. Sudahlah nelayan dirampas haknya, dibuat satu penghinaan kepada nelayan-nelayan kita yang ada di kawasan-kawasan pantai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat SibU.

4.05 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran (Projek) yang berikut:

Pertama, 00200—04, Program Pembangunan Pertanian Pekebun Kecil, Sarawak. Saya mendapati bahawa anggaran yang diminta pada tahun 1990 berjumlah \$20 juta di mana telah dikurangkan kepada \$4 juta pada tahun 1991. Saya sarankan bahawa Program Pembangunan Pertanian Pekebun Kecil amat mustahak kepada Sarawak oleh kerana pekebun-pekebun ini di kawasan

pendalaman masih lagi menurut cara-cara tradisional dalam penanaman dan pendapatan mereka masih lagi rendah. Lagipun Sarawak adalah sebuah negeri yang terbesar yang mengikut bentuk alam di Malaysia. Kerajaan harus mewujudkan beberapa cara pertanian pekebun kecil untuk memperbaiki nilai kehidupan pekebun-pekebun dan memohon anggaran 1991 ke satu tahap yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi, kedua merujuk kepada Butiran (Projek) 02800—02, Kemudahan Perkhidmatan Pengembangan Sarawak berjumlah setengah juta ringgit, bermakna kira-kira 40% dari anggaran kepada Sabah iaitu \$1,200,000. Saya amat merasakan bahawa jumlah ini harus ditinggikan oleh kerana Sarawak adalah tulang belakang sebagaimana Sabah dan juga lebih besar kedudukannya baik dari segi kawasan dan penduduk.

Tuan Pengerusi, ketiga, saya ingin merujuk kepada Butiran 15700 untuk Rancangan-rancangan Pengairan Sarawak di mana anggaran bagi 1991 telah dinaikkan kepada \$1,270,000 daripada \$464,000 dalam tahun 1990. Saya amat menghargai kenaikan yang sepatutnya tetapi saya masih lagi berfikir bahawa anggaran sebanyak \$1,270,000 tiada benda kalau Kerajaan menimbangkan bahawa kawasan yang tersebut yang meliputi Sarawak adalah sebesar Semenanjung Malaysia dalam kawasan.

Tambahan pula anggaran untuk Rancangan-rancangan Saliran Sarawak telah dikurangkan dari \$7,571,000 dalam tahun 1990 kepada \$5,950,000 dalam tahun 1991 dan ini akan terus mengancam pembangunan dalam penyenggaraan dan saliran di Sarawak.

Tuan Pengerusi, keempat, saya ingin merujuk kepada Butiran 16100 ialah Terusan dan Membersihkan Sungai-sungai Sarawak.

Walaupun anggaran untuk tahun 1991 telah dinaikkan kepada \$1 juta dari

\$27,000 dalam tahun 1990, saya harus menegaskan bahawa \$1 juta tersebut adalah terlalu sedikit di mana hanya mencukupi bagi penerusan dan pembersihan dua atau tiga batang sungai manakala kita mempunyai beratus-ratus sungai yang perlu diselaraskan dan dibersihkan. Saya mencadangkan supaya Kerajaan harus menyediakan sekurang-kurangnya \$10 juta kalau Kerajaan mahu beberapa keberkesanan dalam projek ini. Saya telah melawat projek saluran di kawasan saya. Kerja-kerja pembersihan dan pelarasan sungai telah kerap dihentikan disebabkan kekurangan alat-alat mesin dan tenaga manusia. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Pertanian dan pegawai-pegawai Kerajaan yang bersangkutan untuk melawat Sarawak lebih kerap lagi selain daripada memeriksa projek-projek saluran-saliran yang telah diberikan. Cuma melawat Kuching atau bandar-bandar yang penting sahaja tanpa melawat ke kawasan pendalaman tidak ada guna juga.

Kelima, saya ingin merujuk kepada Butiran 20600, Butiran Kecil 01—Stesen Kerantina di Sarawak. Anggaran tersebut telah dikurangkan dari \$498,010 dalam tahun 1990 kepada hanya \$90,000 dalam tahun 1991. Saya hanya mahu tahu dengan anggaran tahunan berjumlah \$90,000 ini apakah yang dapat dilakukan di Sarawak untuk mengkerantinakan binatang yang diimport?

Tuan Yang di-Pertua, keenamnya, saya ingin merujuk kepada Butiran 23900—Penyelidikan dan Pembangunan Sarawak. Anggaran tersebut dalam tahun 1991 ialah hanya \$10. Ini bermakna tidak ada anggaran, dan saya ingin Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah cukup anggaran sebanyak ini? Untuk maklumat Yang Berhormat Menteri, Sarawak mempunyai garisan pinggir pantai yang panjang dan mempunyai potensi untuk membangunkan industri perikanan dan ianya adalah sangat baik. Saya dengan

ikhlas memohon kepada Kerajaan untuk mempertimbangkan bagi menambahkan anggaran yang munasabah untuk projek ini dalam tahun 1991.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya. Akhirnya saya seberapa ikhlas memohon kepada Kerajaan untuk memberi lebih perhatian dalam pembangunan industri pertanian di Sarawak oleh kerana Sarawak dengan kekayaannya dan berpotensi terutama dalam bidang pertanian, tanah, ladang, penternakan dan garisan pinggir pantai yang panjang akan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan nasional kalau industri pertanian diberi bantuan yang setimpal oleh Kerajaan Pusat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kelang.

4.15 ptg.

Tuan Fui Kui Lun (Kelang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Kepala B.19 Butiran 17100—Perparitan dan Tebatan Banjir di Kawasan Bandar, Butiran Kecil 09—Rancangan Tebatan Banjir, Kelang dan Pelabuhan Kelang, mukasurat 89.

Saya rasa dukacita kerana pihak Kerajaan tidak langsung menyediakan sejumlah peruntukan bagi mengawal dan menebat banjir di kawasan Kelang dan Pelabuhan Kelang. Saya perhatikan sejak sebelum 1981 hingga sekarang tidak ada peruntukan yang disediakan. Mengapa keadaan ini boleh berlaku pada hal sistem perparitan di kawasan Kelang dan Pelabuhan Kelang memang perlu juga diperbaiki. Saya ingin menyeru Menteri berkenaan supaya menyediakan sejumlah peruntukan bagi maksud rancangan tebatan banjir di bandar Kelang dan Pelabuhan Kelang untuk tahun ini.

Tuan Pengerusi, dalam aspek perikanan ini juga saya ingin membangkitkan Butiran 25600—Ternakan Ikan dalam Sangkar. Apa yang saya faham bahawa dengan ternakan ikan dalam sangkar seperti yang dijalankan, ramai pengusaha telah menghasilkan peluang yang baik dan sentiasa menerima permintaan yang tinggi seperti restaurant makanan laut. Oleh kerana perkiraan dengan hasil ternak dan peluangnya, para penternak telah mengusahakan 30 buah kawasan ternakan ikan luar pantai di sekitar Pulau Ketam dan telah menternak 10 juta ekor ikan siakap dalam sangkar.

Tuan Pengerusi, pada bulan November tahun lalu sejumlah dua juta ekor ikan itu telah mati dan lapan juta lagi terancam oleh serangan bakteria. Adalah ditaksirkan menurut harga pasaran dianggarkan lebih \$40 juta kerugian.

Tuan Pengerusi, serangan ini berlaku kerana para penternak membina susunan sangkar yang terlalu rapat tanpa lorong laluan air serta memasukkan terlalu banyak ikan ke dalam satu sangkar menyebabkan kesesakan dan kemudahan bakteria membiak dan merebak. Pihak LKIM menyalahkan para penternak yang menyebabkan berlakunya kemalangan ini di mana menurut pihak LKIM Selangor bahawa para penternak mahu menjimatkan kos dan memaksimumkan tangkapan. Pihak LKIM mendakwa bahawa mereka telah menasihatkan para penternak, tetapi saya tidak yakin keterangan dan maklumat yang lengkap serta nasihat sepenuhnya telah diberi oleh pihak LKIM. Tetapi setelah ternakan mati, mereka menyalahkan bulat-bulat kepada penternak sendiri. Jika nasihat dan ditunjuk ajar yang lengkap dan mudah difahami dan disedari telah diberikan maka saya yakin kejadian ini tidak akan berlaku.

Pegawai-pegawai LKIM yang tidak bertugas dengan serius adalah juga merupakan faktor yang membawa

kerugian ini. Saya menyeru semua pegawai LKIM bekerja dengan dedikasi dan tidak jemu-jemu memberikan nasihat dan bimbingan kepada para penternak tentang penternakan yang baik. Hasilnya ialah untuk para pengguna sendiri.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 17600, mukasurat 89, di bawah tajuk Perkembangan Perusahaan dan Pusat Pembiakan Ayam-Itik, di mana sejumlah \$1.5 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian Pertanian.

Saya ingin menyentuh tentang Jabatan Perkhidmatan Haiwan ada mengemukakan Kertas cadangan penubuhan Lembaga Kemajuan Perusahaan Ayam-Itik kepada Persekutuan Persatuan-persatuan Penternak Malaysia dan Persatuan-persatuan Peniaga Ayam-Itik untuk meminta pandangan dan ulasan mereka ke atas Kertas cadangan itu kerana mereka adalah pihak yang terlibat dalam perusahaan ayam-itik di negara ini.

Tuan Pengerusi, penubuhan ini perlu kerana perusahaan ayam-itik negara adalah tertumpu pada bidang dan peringkat pengeluaran sahaja. Kemajuan bidang-bidang lain seperti pasaran, pemerosesan, pengwujudan produk yang baru, pasaran untuk eksport, pengangkutan dan lain-lain adalah terhad.

Perusahaan ini terpisah antara satu sama lain. Setiap sektor meningkatkan pengeluarannya walaupun mereka mendapat keuntungan yang kecil. Demi untuk meneruskan perusahaan tersebut, ini telah menimbulkan dua masalah yang utama iaitu:

- (a) pengeluaran ayam daging yang tidak terkawal sehingga menyebabkan lambakan; dan
- (b) harga tidak stabil. Apabila lambakan berlaku, ayam akan dijual di bawah kos pengeluaran. Di samping itu pernah berlaku penyeludupan anak ayam dan

telur tetas dari negara jiran yang memburukkan lagi keadaan.

Tuan Pengerusi, sistem pemasaran ayam-itik sekarang tidak banyak membantu penternak dari segi pendapatan harga komoditi tersebut. Penternak-penternak yang mengalami kerugian tetapi orang tengah, pemborong dan peruncit mengaut keuntungan.

Tuan Pengerusi, kerana menyedari masalah ini, maka Kertas cadangan yang menghendaki pandangan pihak-pihak terlibat dalam perusahaan ini telah dikutip dan perbincangan dengan pihak Kementerian telah diadakan pada tahun lalu. Saya ingin bertanya apakah reaksi Kerajaan setelah menerima maklumbalas daripada penternak-penternak dan pengusaha ayam-itik. Bilakah Rang Undang-undang yang memperkenalkan penubuhan Lembaga Kemajuan Perusahaan Ayam-Itik akan dibentangkan di Parlimen?

Tuan Pengerusi, dalam pada itu Jabatan Perkhidmatan Haiwan ada suatu cadangan pembinaan Pusat Sembelih Ayam di Selayang dan sejumlah lebih kurang \$1.7 juta telah diperuntukkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Malangnya peruntukan ini telah digunakan untuk membiayai projek lain oleh Dewan Bandaraya dan apakah kesudahannya dengan cadangan pembinaan Pusat Sembelih Ayam di Selayang. Adakah akan diteruskan ataupun sebaliknya?

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya tentang pembentukan tukun-tukun tiruan yang telah lama dirancangan oleh Kerajaan?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Untuk tujuan ini, saya merujuk Maksud P.19, Butiran 26400 Perikanan, Tukun Tiruan,

mukasurat 93. Kegiatan memasang tukun-tukun tiruan di dasar laut dalam perairan kita adalah langkah yang baik dan rakyat telah menyahut seruan Kerajaan untuk mendermakan tayar-tayar lama atau buruk untuk dijadikan tukun. Sejak ini bagaimanakah sambutan rakyat dan berapakah jumlah tayar buruk yang sudah terkumpul dan telah diturunkan ke dasar laut? Apa yang mendukacitakan saya, apabila saya menyemak anggaran peruntukan, saya mendapati hanya token \$10 diberikan kepada projek ini. Apakah maksud Kerajaan berbuat demikian?

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 090000 Maksud B.19 mukasurat 90, saya mendapati Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia menerima peruntukan \$21,258,800 bagi tahun 1991.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Fong Kui Lun: Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit.

4.25 ptg.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin (Parit): Tuan Pengerusi, terima kasih kerana saya diberi peluang berucap.

Suka saya merujuk kepada Maksud P.19 di bawah Kementerian Pertanian, Butiran 00100, 00200, 00300, 00700, 00900 dan beberapa butiran yang lain.

Di bawah Butiran 00100—FAMA, sebagaimana yang kita sedia maklum \$12.3 juta telah pun diperuntukkan untuk FAMA bagi tahun ini dan saya berasa bangga di atas prestasi yang ditunjukkan oleh FAMA. Walau bagaimanapun banyak lagi ruang-ruang yang perlu diperbaiki dari masa ke semasa khususnya dalam pemasaran pisang dan lebih khusus lagi di negeri Perak, khususnya di Perak Tengah. Kerana

pemasaran pisang di Perak Tengah agak terbiar dan kualiti yang dipasarkan tidak memuaskan mengikut keadaan biasa sahaja. Oleh yang demikian, saya merayu kepada pihak FAMA dan juga Jabatan yang berkenaan supaya memberikan perhatian terhadap kualiti dan juga pasaran pisang di Perak Tengah.

Butiran 00200 Bank Pertanian Malaysia—sebagaimana yang telah diperuntukkan \$64 juta, tetapi projek di bawah program pembangunan membantu golongan termiskin, bagi tahun 1990 terdapat \$23 juta. Tetapi malangnya bagi tahun ini ketiadaan peruntukan di bawah Program Membantu Golongan Termiskin. Oleh yang demikian, saya pohonlah penjelasan daripada Setiausaha Parlimen yang mungkin akan menjawab menggulung perbahasan kemudian nanti.

Di bawah MARDI, sebagaimana yang kita sedia maklum terdapat \$7 juta dan di bawah Pembangunan sahaja yang dimaksudkan \$7 juta ini, tetapi saya pohon penjelasan kenapa di bawah Butiran 00300 (02) Penyelidikan hanya token sum sahaja, pada hal MARDI adalah merupakan nadi untuk penyelidikan pertanian dan saya pohon penjelasan daripada pihak Setiausaha Parlimen nanti.

Butiran 00700 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Sebagaimana yang kita sedia maklum LPP ini diwujudkan dalam tahun 1970an di bawah naungan Allahyarham Y.A.B. Tun Razak pada ketika itu Perdana Menteri Malaysia, yang mahukan LPP ini bergerak sebagai satu badan yang boleh membangunkan kawasan setempat dan mengikut Aktanya memang begitu luas fungsinya, tetapi malangnya dalam perhatian dan tinjauan saya semenjak pemergian Tun Razak sehingga masa kini, perhatian Kementerian terhadap LPP adalah begitu rendah sekali. Sebagai bukti yang nyata bagi tahun ini hanya diperuntukkan \$6 juta sahaja. Apakah yang kita boleh buat dengan jumlah \$6 juta ini bagi

merangkumi rangkaian Lembaga Pertubuhan Peladang kawasannya lebih dari 100 buah kawasan Pertubuhan Peladang.

Saya berasa sedih kalau impian dan harapan Allahyarham Tun Abdul Razak diabaikan begitu sahaja. Seharusnya Lembaga Pertubuhan Peladang diberi peruntukan yang lebih, khususnya pemulihan sawah terbiar yang begitu besar jumlahnya, berpuluh ribu dan angka kawasan tanah terbiar itu berkurangan dari setahun ke setahun hanya boleh dikatakan insignificant kerana tumpuannya begitu tipis kalau kita lihat pemulihan tanah terbiar hanya diberi peruntukan \$3.4 juta setahun tahun ini dan kalau kita buat perkiraan hanya boleh dimajukan lebih kurang 1,000 atau 1,000 lebih sedikit sahaja ekar dalam tahun ini. Pada halnya banyak lagi kawasan yang boleh diperluaskan dan boleh dilibatkan, lebih-lebih lagi kalau kita libatkan Lembaga Pertubuhan Peladang kawasan.

Saya mempunyai keyakinan yang tinggi kepada Lembaga Pertubuhan Peladang kerana Lembaga Pertubuhan Peladang mempunyai konsep daripada petani kepada petani, untuk petani yang mana diuruskan sendiri oleh petani. Cuma masalah Lembaga Pertubuhan Peladang ini adalah terhad kepada modal.

Jika sekiranya masalah modal ini dapat diatasi dan peruntukan dapat diberi lebih daripada \$6 juta ini—\$6 juta ini jangan lupa, bukan untuk pembangunan tanah, tetapi peruntukan pembangunan keseluruhannya. Itulah sebabnya banyak lagi pusat kemajuan peladang kecil yang tidak dapat didirikan di merata-rata pelosok kawasan dalam Pertubuhan Peladang di negara ini. Contohnya, di Perak Tengah, saya ingat perancangan pusat peladang kecil ini telah dirancang dan telahpun tanahnya dibeli daripada tahun 80an—5 tahun sudah—masih lagi tergendala dan masih tidak ada pusat dan inilah yang saya katakan tadi, impian dan harapan

Allahyarham Tun Abdul Razak hanya tinggal harapan sahaja, tidak dimanfaatkan oleh kita semua dan saya suka mengingatkan di sini kerana harapan dan impian beliau adalah lebih daripada itu.

Jika kita berkisar pula ke projek-projek yang lain—projek Taman Pertanian Malaysia—tahun sudah \$10 juta, tahun ini diperuntukkan \$13 juta, padahal Lembaga Pertubuhan Peladang merupakan satu agensi nadi yang menggerakkan peladang-peladang kecil di seluruh pelosok negara mendapat \$6 juta dan inilah saya suka mengingatkan supaya perkara-perkara ini dapat diimbangkan. Semoga hasrat dan impian Allahyarham Tun Abdul Razak dan juga hasrat dan impian rakyat yang menyokong Barisan Nasional rata-ratanya daripada penduduk luar bandar supaya dimanfaatkan dan diberikan tekanan yang lebih daripada apa yang telah ternyata dalam pembahagian peruntukan bagi tahun 1991.

Saya juga mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Pertanian di atas usaha mereka yang begitu gigih. Walau bagaimanapun, saya pohonlah di bawah Butiran 08500—Rancangan Pengairan, Saliran

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: Ya, dan Mengesan Pemeliharaan Sungai Perak yang diperuntukkan begitu banyak—\$7 juta. Saya mengharapkan supaya tanah-tanah yang rebak dan juga yang dihakis kerana banyak kampung yang terlibat, rumah-rumah yang akan tenggelam dibawa oleh hakisan sungai Perak, perlulah dikemaskinikan semula dan perlulah diperbaiki dengan segera.

Selain daripada itu, saya juga suka menyentuh bersabit dengan Trans Perak Tambahan yang mana diberi setiap tahun—saya bersyukur dan berterima

kasih kepada Kementerian—peruntukan \$1 juta lebih dan tahun ini saya rasa \$1.5 juta lebih, tetapi apalah kiranya kalau boleh biarlah dibuatkan sekali gus. Tidak banyak, lebih kurang dalam \$10 juta Trans Perak, termasuk Bota—Lambor dan beri \$10 juta dan habiskan \$10 juta dalam dua tahun, projek ini selesai, tidak payah lagi kita hendak beri \$1 juta setiap tahun yang mana usaha ini sangat-sangat disanjung oleh petani-petani kecil.

Di bawah bencana banjir juga, kelihatan ada peruntukan \$2 juta dan saya pohon supaya kawasan yang terlibat dalam banjir baru-baru ini iaitu dua bulan yang sudah diberikan perhatian khususnya di kawasan Bakong, Bota, Parit kerana sara hidup mereka dan tanaman mereka habis dibawa oleh banjir dan saya pohon supaya saluran yang ada ini diperbaiki kerana saluran yang adalah yang menyebabkan banjirnya kawasan itu kerana air melimpah kerana tidak ada sekatan dan saya pohon supaya JPS dapat menggantikan gate yang baru dengan yang lebih mantap dan lebih kuat lagi. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya ingat masa yang diperuntukkan untuk tajuk ini sudah cukup ya. Kita minta Menteri berkenaan untuk memberi jawapan.

4.41 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa di bawah Butiran Maksud B.19 dan P.19—Kementerian Pertanian.

Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan Nilam Puri dan Pasir Mas iaitu berhubung dengan bekalan subsidi baja padi di negeri

Kelantan, saya dapati Ahli-ahli Yang Berhormat ini begitu desperate, dengan izin, tentang bekalan subsidi baja padi ini. Baru-baru ini kita telah dengar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Besar Kelantan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kelantan akan menyelesaikan bekalan subsidi baja padi di negeri Kelantan. Jadi kalau sudah ada kesanggupan begitu, saya ingat eloklah diselesaikan di peringkat negeri. Walau bagaimanapun, inilah masanya untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menunaikan janji

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, ada Ahli Yang Berhormat bangun, beri jalan?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya banyak hendak jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Ada 12, banyak hendak jawab.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sedikit.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila duduk.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Sebab apa, yang saya tahu Menteri Besar Kelantan telah menyatakan sekiranya

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan. Minta duduk ya, dia tidak beri jalan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Sekiranya

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Jadi inilah masanya untuk pihak Kerajaan Kelantan menunaikan janji-janji yang telah dibuat kepada rakyat Kelantan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bangun lagi, hendak beri jalan?

Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya ingat banyak perkara hendak dijawab ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nampaknya tidak beri jalan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya tidak beri jalan. Tuan Pengerusi, Kerajaan Pusat telah melantik Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan sebagai Menteri yang patut dihubungi oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam segala perkara yang berkaitan dengan Kerajaan Pusat, jadi setakat ini Kerajaan Negeri Kelantan belum berbuat begini dan saya minta Kerajaan Negeri Kelantan janganlah kejam sangat dengan memberhentikan penghulu-penghulu yang menjadi perantaraan untuk mengesahkan penerimaan baja yang dibekalkan oleh Kerajaan Pusat.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan MARDI tidak dapat menghasilkan padi yang berhasil tinggi serta mempunyai kualiti setanding yang dihasilkan oleh negara-negara Thailand dan Pakistan, yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri, biasanya beginilah sikap Pembangkang, lebih nampak kejayaan di luar tanpa melihat kejayaan yang telah dibuat oleh MARDI.

Sehingga ini MARDI telah berjaya menghasilkan sejumlah 20 variety baru padi yang mampu memberi hasil sehingga 6 tan sehektar dengan kualiti

beras yang memuaskan, seperti MR 84, MR 103 dan MR 106 dari jenis panjang dan setanding dengan jenis yang dikeluarkan oleh Thailand. Walau bagaimanapun, untuk menghasilkan variety yang mempunyai kedua-dua ciri, hasil yang tinggi serta kualiti yang terbaik, adalah tidak mungkin kerana faktor genetik padi itu sendiri tidak memungkinkannya keadaan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil dan kualiti pada padi adalah, dengan izin, inverse related. Di negara-negara seperti Thailand dan Pakistan, padi berkualiti tinggi yang dihasilkan adalah juga daripada variety yang mempunyai hasil yang rendah di antara 1 hingga 1.5 tan sehektar. MARDI sendiri telah mengenal-pasti variety-variety yang boleh menghasilkan beras yang berkualiti tinggi tetapi hasil yang didapati juga adalah rendah. Walau bagaimanapun, MARDI akan terus berusaha bagi mengatasi masalah ini melalui penyelidikan baik-biak dan pengurusan tanaman.

Berhubung dengan penyelidikan memperbaiki benih padi, MARDI sentiasa meneruskan. Jadi, dengan tujuan untuk mendapat padi mutu yang lebih baik, yang tahan penyakit dan kuantiti yang tinggi.

Tentang kemerosotan pengeluaran padi, import beras dan harga beras tempatan, harga beras dunia tidak mempengaruhi harga beras tempatan. Ini adalah kerana Kerajaan telah mengada dan menguatkuasakan Perintah Beras (Kawalan Harga) 1974, di bawah perintah ini paras harga adalah ditetapkan di peringkat kilang, borong dan runcit. Adalah menjadi kesalahan sekiranya beras dijual melebihi daripada paras harga. LPN adalah pengimport beras tunggal sekiranya harga beras yang diimport melebihi daripada harga jualan di dalam negeri Kerajaan akan menanggung perbezaan harga tersebut bagi memastikan harga beras tempatan tidak terjejas.

Tentang menternak kambing biri-biri dan penggunaan bulu biri-biri, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Nilam Puri memang suka bulu. Jadi, tindakan sedang diambil oleh Jabatan Haiwan:

- (1) Menggunakan bulu biri-biri untuk kraftangan bagi membuat "rug" melalui percubaan dengan badan-badan yang berkaitan.
- (2) Mendapatkan pasaran untuk bulu bebiri. Sebuah syarikat di Semenyih telah menerima secara percubaan bulu ini dengan harga berasaskan mutu bagi tujuan memenuhi pasaran eksport.
- (3) Masalah utama yang dihadapi pada masa ini ialah mengumpul bulu-bulu ini dan yang kedua, menyelaraskan mutu.

Mengenai dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tentang lesen bot dalam, jumlah kelulusan lesen bot laut dalam sehingga hari ini ialah sebanyak 825 unit. Pada masa ini bilangan yang beroperasi sebanyak 390 dan yang sedang dibina 58, belum dibina 63 dan kita telah menarik balik sebanyak 314 kerana pihak-pihak yang berkenaan tidak dapat membina bot dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Tentang penyelewengan harga padi yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Mas, LPN telah mengambil beberapa langkah kawalan bagi memastikan petani yang layak sahaja menerima subsidi dan tidak disalahgunakan. Di antara langkah-langkah tersebut ialah menyemak dan mengemaskini buku-buku daftar pesawah tiap-tiap musim, hanya petani sahaja yang boleh menunaikan kupon subsidi harga padi, pembayaran subsidi harga padi melalui akaun GIRO Bank Simpanan Nasional sedang diperluaskan ke seluruh negara dan perisikan dan siasatan ke atas mereka yang disyaki menyeleweng dijalankan dengan kerjasama BPR. Beberapa tangkapan telah

pun dilakukan ke atas mereka yang didapati menyeleweng.

Berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Arau untuk menggunakan lambang dacing ke atas buku-buku subsidi padi, ini adalah satu cadangan yang baik, insya Allah kita akan pertimbangkan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pembinaan rumah dan kilang-kilang di kawasan MADA, kuasa untuk meluluskan permohonan menukar syarat tanah daripada pertanian kepada bangunan ataupun kepada perindustrian adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Dalam hal ini MADA hanya sekadar memberi nasihat dan pandangan sahaja. MADA menyokong usaha-usaha dalam kawasan sempadan pembangunan. Pada masa ini Kerajaan Negeri sedang mengkaji semula kawasan sempadan pembangunan untuk menentukan sempadan yang baru mengikut kesesuaian dan keperluan semasa.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kuala Kedah iaitu penyelenggara infrastruktur di kawasan MADA, Tuan Pengerusi, keupayaan MADA untuk menyelenggarakan infrastruktur seperti ban, jeti dan lain-lain bergantung kepada peruntukan yang ada. Dalam hal ini MADA memberi keutamaan kepada masalah yang memerlukan perhatian segera. MADA memang berusaha untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi mengikut keutamaan.

Berhubung dengan hakisan pantai \$6 juta daripada Butiran 14800, adakah peruntukan ini termasuk kerja mencegah hakisan pantai di kawasan MADA, kerja-kerja hakisan pantai di kawasan MADA akan dibayar di bawah peruntukan daripada Jabatan Perdana Menteri dan bukan di bawah Butiran 14800. Peruntukan yang disediakan untuk kerja mencegah hakisan pantai di kawasan MADA adalah mencukupi.

Tentang Skim Perlindungan Tanaman yang dicadangkan oleh Ahli Yang

Berhormat dari kawasan Kuala Kedah, sukacita dimaklumkan satu Skim Perlindungan Pertanian di peringkat percubaan sedang di peringkat kajian pada masa ini. Tujuannya ialah untuk melindungi petani dari kerosakan tanaman akibat bencana alam, serangan penyakit dan makhluk perosak. Oleh kerana negara ini belum berpengalaman dalam melaksanakan skim ini di kawasan padi secara meluas, skim percubaan ini akan diadakan secara berperingkat jika dilancarkan nanti. Di dalam kawasan MADA memang ada diwujudkan Tabung Bencana Alam yang ahlinya terdiri daripada ahli-ahli Pertubuhan Peladang. Tabung ini telah mengeluarkan sumbangan pada masa berlakunya banjir terbaharu pada tahun 1989 dan ribut baru-baru ini. Walau bagaimanapun, usaha-usaha perlu dibuat untuk menambahkan ahli supaya tabung ini dapat terus berkembang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran meminta supaya diwujudkan Persatuan Nelayan di Sabah. Mengikut Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1971 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia tidak boleh beroperasi di Sabah. Justeru itu Lembaga Kemajuan Ikan tidak menubuhkan pejabat di Sabah dan tidak menubuhkan Persatuan Nelayan. Mengenai dengan cadangan supaya Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia memberi bantuan kewangan sebanyak \$100 kepada setiap nelayan, adalah dimaklumkan bahawa LKIM tidak mempunyai peruntukan secara grant untuk tujuan tersebut.

Berhubung dengan program membantu golongan termiskin, peruntukan untuk membantu golongan termiskin pada tahun ini tidak disediakan kerana Kerajaan menyediakan modal pusingan atau revolving fund, dengan izin, yang berjumlah \$5.9 juta untuk dilanjutkan pada tahun 1991. Setakat ini sebanyak \$1.8 juta telah dikeluarkan sebagai pinjaman kepada golongan termiskin. Tuan Pengerusi

Datuk Monggoh Orow: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebentar! Hendak beri jalan?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Saya banyak lagi hendak bercakap.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Datuk Monggoh Orow: Atas kod yang mana diperuntukkan?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri jalan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, berhubung dengan pandangan Yang Berhormat dari Padang Terap iaitu kutipan balik pinjaman dan kesulitan untuk membuat pinjaman oleh Bank Pertanian Malaysia, kadar kutipan pinjaman semasa Bank Pertanian Malaysia ialah sebanyak 36%. Kadar kutipan semasa ini adalah rendah disebabkan corak dan keadaan projek-projek yang dibiayai oleh Bank Pertanian adalah bercorak pembangunan dan kebanyakannya adalah diusahakan oleh pengusaha-pengusaha kecil dan yang baru serta mempunyai tempoh jangka masa yang panjang. Disebabkan keadaan ini projek-projek pertanian adalah sensitif kepada keadaan semula jadi termasuk cuaca, serangan serangga, banjir, hujan dan kemarau. Keadaan-keadaan lain seperti harga barangan yang tidak stabil juga menyebabkan rendahnya kadar semasa bayaran balik. Walaupun kadar kutipan yang dinyatakan itu rendah, tetapi bayaran selebihnya tetap diterima disebabkan oleh keadaan semula jadi dalam sektor ini seperti yang dinyatakan di atas.

Adalah tidak benar bahawa terdapat kesulitan kepada petani dalam mendapatkan pinjaman. Bukan semua pinjaman memerlukan cagaran. Petani-

petani adalah dinasihatkan supaya mengemukakan permohonan secara berkelompok. Ada jenis-jenis pinjaman yang memerlukan cagaran dan ada jenis-jenis pinjaman yang tidak memerlukan cagaran, di mana Bank Pertanian Malaysia hanya memerlukan jaminan secara silang.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan saranan Yang Berhormat dari kawasan Arau, iaitu mengkaji semula peranan Bank Pertanian. Bank Pertanian memang berperanan untuk memajukan projek-projek pertanian yang bercorak pembangunan bagi melahirkan masyarakat petani yang berdikari. Dalam hal ini sudah menjadi polisi bank untuk membantu petani-petani kecil menjalankan projek mereka. Bank Pertanian akan terus berusaha memainkan peranan sebagai bank utama untuk memajukan sektor pertanian. Perkhidmatan Bank Pertanian Malaysia akan terus dipertingkatkan dan perhatian diberi kepada golongan kumpulan khas yang terdiri daripada penanam, penternak, nelayan serta pengusaha-pengusaha kecil pertanian, mengikut keutamaan yang diperolehi oleh Kerajaan.

Berhubung dengan ancaman tikus di kawasan MADA, tikus di Arau bukan sahaja besar tetapi juga garang. Tuan Pengerusi, tikus merupakan salah satu daripada makhluk perosak. Adalah didapati setiap 3 tahun sekali populasi tikus akan meningkat kepada tahap yang tinggi. Pihak MADA telah mengambil langkah mengadakan kawalan secara bersepadu termasuk menjaga kebersihan sawah dan membeli umpan tikus secara berterusan. Teknologi-teknologi pengawalan tikus memang telah banyak dihasilkan oleh MARDI dan telah terbukti keberkesannya, termasuklah melalui projek-projek perintis yang telah dilaksanakan di kawasan MADA.

Walau bagaimanapun, keberkesanan teknologi ini amat bergantung kepada para petani sendiri kerana ianya memerlukan kaedah pengawalan yang

berterusan dan melibatkan keseluruhan petani di sesuatu kawasan. Tanpa penglibatan yang demikian, masalah tikus ini akan menjadi sukar untuk diatasi.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Arau bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Shahidan bin Kassim:
Member, bolehlah beri jalan.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Beri chancelah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah MARDI membuat kajian mengapa tikus ini terlampau besar. Yang Berhormat ada sebut tadi MARDI dengan kerjasama MADA telah menjalankan usaha-usaha pengawalan dan diantara pengawalan yang saya tahu ialah mereka membela katak-katak besar dan katak ini tugasnya ialah untuk memakan anak-anak tikus. Tetapi pada masa sekarang ini, oleh kerana katak ini pula sangat laku dan menjadi makanan di restoran-restoran yang mahal, petani-petani terpaksa menangkap katak-katak ini untuk dijual. Jadi, saya ingin bertanya, apakah kaedah-kaedah lain yang telah dibuat oleh MARDI untuk mengawal tikus, dan tikus sekarang ini semakin bertambah dan semakin besar. Saya hendak tanya apakah cara yang boleh petani-petani dengar untuk sama-sama menyelesaikan masalah tikus. Saya ingin beritahu kepada Yang Berhormat bahawa tikus ini semakin membesar, saya tidak tahu mengapa, mungkin kerana penggunaan baja atau apakah. Yang kita tahu tikus ini lebih besar daripada kucing dan kebanyakan kucing takut kepada tikus. Jadi, saya tidak tahulah, ini terpulanglah kepada Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, tikus itu besar kerana bekalan makanan yang sentiasa ada. Sebab itu tikus itu menjadi besar.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan pendapat Yang Berhormat dari Ipoh, kononnya LPN memonopoli belian padi, menyebabkan perjalanan kilang padi swasta terjejas. Ini adalah satu perkara yang tidak benar. Purata pengeluaran padi negara adalah sebanyak 1.8 juta metrik tan setahun. Jumlah kapasiti pemerosesan padi yang dimiliki oleh LPN adalah hanya satu-pertiga (1/3) sahaja daripada jumlah itu. Oleh yang demikian, adalah mustahil bagi LPN memonopolikan pembelian padi kerana keupayaannya adalah terhad. Sebenarnya hampir dua-pertiga (2/3) daripada pengeluaran padi negara telah dibeli oleh kalangan swasta, terutamanya oleh kilang-kilang bukan bumiputera. Petani-petani adalah bebas menjual padi mereka kepada mana-mana kilang, sama ada kilang swasta ataupun kilang LPN yang memberikan harga serta perkhidmatan yang baik. Kebelakangan ini perkhidmatan LPN kepada petani telah meningkat, ini menyebabkan ramai petani secara sukarela menjual padi mereka kepada LPN.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan teguran Yang Berhormat dari kawasan Sepang bahawa peruntukan yang diberikan kepada FAMA sebanyak \$400,000 untuk projek PPRT adalah terlalu sedikit, dalam usaha melaksanakan projek PPRT, sebahagian besar program FAMA melibatkan program yang tidak memerlukan peruntukan yang banyak, seperti memberi latihan dalam program pasar tani dan bimbingan untuk membolehkan petani-petani termiskin itu mendapat kemahiran mengurus niaga. FAMA juga memberi khidmat nasihat untuk mereka memahami berbagai-bagai aspek pemasaran supaya mereka boleh mendapat pendapatan tambahan dari penjualan hasil pertanian sendiri.

Berhubung dengan subsidi nelayan pantai, penempatan semula nelayan,

pengeluaran lesen bot dan pukot kepada nelayan pantai, bila Akta Perikanan akan dipinda, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari kawasan Jerai, Kerajaan tidak lagi mengeluarkan subsidi kepada nelayan untuk membeli pukot, bot dan enjin tetapi mereka boleh mendapatkan pinjaman dengan faedah yang rendah daripada Bank Pertanian Malaysia. Dengan cara ini, nelayan-nelayan akan lebih bertanggungjawab atau mempunyai, dengan izin, sense of belonging.

Tuan Pengerusi, Kerajaan memang bercadang untuk meminda Akta Perikanan 1985. Jabatan Perikanan telah menulis surat kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada persatuan-persatuan nelayan dan kepada orang-orang perseorangan supaya mengemukakan pandangan mereka tetapi sambutan yang diterima tidaklah menggalakkan. Jabatan akan meminta sekali lagi dan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan pandangan dan cadangan mereka mengenai perkara ini. Mereka bolehlah menulis terus kepada Urusetia Tetap Pindaan Akta Perikanan 1985 di alamat Kementerian Pertanian seberapa segera jika ada cadangannya.

Mengenai dengan minta disatukan perairan negeri Kedah dan Perlis dari segi penguatkuasaan. Jika perairan negeri Kedah dan Perlis disatukan dari segi penguatkuasaan, ia akan menimbulkan berbagai masalah sosial di kalangan nelayan yang terlibat seperti bergaduh akibat dari perebutan kawasan menangkap ikan. Kepentingan mereka dari segi sosial dan keselamatan perlu diberi keutamaan.

Mengenai cadangan meminta Kerajaan jangan merampas bot dan pukot nelayan yang melakukan kesalahan, Kerajaan tidak mengambil tindakan ke atas nelayan yang tidak melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan. Pihak Penguatkuasa hanya bertindak ke atas mereka yang tidak menghormati peraturan-peraturan yang terpakai

Tindakan tegas perlu diambil ke atas mereka yang engkar dan tidak menghormati peraturan atau undang-undang yang bertujuan untuk menjaga kepentingan ramai.

Tuan Pengerusi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sibu, memohon peruntukan berikut ditambah iaitu di bawah Butiran 15700—Rancangan-rancangan Pengairan, Sarawak, Butiran 15800—Rancangan-rancangan Saliran Sarawak, Butiran 16100—Terusan dan Membersihkan Sungai-sungai Sarawak.

Peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kelima bagi kerja-kerja pengairan dan saliran bagi negeri Sarawak adalah lebih kurang 20% daripada jumlah peruntukan yang disediakan untuk seluruh negara. Memandangkan saiz Sarawak yang lebih besar, tambahan pula negeri Sarawak juga memohon peruntukan yang besar maka perkara ini akan dipertimbangkan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
(Bangun)

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:
Tukun tiruan?

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:
Bukan tukun tiruan. Fasal kambing tadi ini. (Ketawa)

Tuan Pengerusi, fasal kambing pembawa AIDS ini. Apakah tindakan yang dibuat oleh Kementerian? (Ketawa)

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:
Tuan Pengerusi, berhubung dengan penternakan kambing bebiri

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang:
(Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan Haji Mohd. Sharif bin Jajang: Sambung sekali dengan kambing bebiri Mekah dan kambing kampung Malaysia. (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, rancangan pembangunan kambing Kambing apa? Kambing kacang?

Seorang Ahli: Kambing kampung.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Kambing kampung dan bebiri—Butiran 17900.

Jadi, pembangunan untuk kambing kampung ini sama dengan penekanan yang diberikan kepada penternakan kambing bebiri. Pembangunan ternakan yang dianjurkan oleh Jabatan adalah untuk mewujudkan cara pertumbuhan yang teratur dengan cara pengurusan yang sempurna. Penternakan kambing secara tidak teratur khasnya untuk kambing tidak lagi sesuai kerana perlakuan kambing yang membinasakan tanaman-tanaman lain.

Program anjuran Kerajaan adalah supaya ternakan kambing bebiri dipelihara dengan tanaman ladang getah dan kelapa sawit. Jabatan Haiwan akan terus memberikan perkhidmatan serta bantuan bibit dan baka jantan untuk penternak-penternak yang layak dan sesuai. Jadi, itu untuk rancangan hendak membangunkan kambing.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari kawasan Kelang mencadangkan untuk mewujudkan Lembaga Kemajuan Ayam. Industri penternakan ayam sudah mencapai satu tahap kemajuan yang baik. Penubuhan Lembaga Kemajuan Ayam bukanlah satu keperluan asas. Perubahan harga ayam adalah berkaitan dengan permintaan dan bekalan. Jabatan Haiwan sedang membantu mengumpul dan menyebarkan maklumat untuk membantu industri membuat unjuran.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat dari kawasan Petaling Jaya, sambutan orang ramai terutamanya dengan syarat-syarat berhubung dengan tukun tiruan iaitu sambutan orang ramai, jumlah kawasan yang siap

Tuan Fong Kui Lun: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia minta penjelasan. Beri jalan?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tidak payahlah. Ini berhubung dengan tukun tiruan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun: Bukan Petaling Jaya, Kelang.

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Minta maaf, dari kawasan Kelang yang membangkitkan soal tukun tiruan.

Sambutan orang ramai terutamanya dari syarikat-syarikat tayar, orang ramai dan individu adalah amat menggalakkan. Sehingga kini, Jabatan Perikanan telah berjaya memungut sebanyak 1.7 juta tayar. Sehubungan dengan ini, dari sejumlah 54 tapak tukun yang dikenalpasti dalam Rancangan Malaysia Kelima, 54 tapak telahpun siap dibina di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Parit, mencadangkan supaya FAMA membaiki pemasaran dan kualiti pisang emas di negeri Perak terutama sekali di Perak Tengah. FAMA akan mengkaji masalah kualiti yang dihadapi oleh petani pisang emas di Perak Tengah. Usaha-usaha akan diambil sama ada oleh FAMA atau Jabatan-jabatan lain di bawah Kementerian Pertanian untuk membaiki keadaan ini dan seterusnya pemasaran hasil ini.

Mengenai dengan peruntukan untuk MARDI, peruntukan token \$10.00 dibuat kerana pembiayaan penyelidikan

untuk MARDI di bawah RME akan disediakan di bawah peruntukan R&D. Bagi tempoh RME, MARDI akan membelanjakan wang sebanyak \$150 juta bagi tujuan kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan. Bagi tahun 1991 sahaja sebanyak \$33 juta akan diperuntukkan untuk tujuan ini.

Berhubung dengan program golongan miskin yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, perkara ini telah juga dibangkitkan oleh wakil dari Tuaran, pada tahun ini tiada peruntukan kerana kita telah mengadakan Tabung Pusingan bagi tujuan pinjaman untuk golongan ini yang sejumlah \$5.9 juta, sehingga ini sejumlah \$1.0 juta telahpun dikeluarkan.

Mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Klang tentang ternakan ikan dalam sangkar di Pulau Ketam menghadapi masalah penyakit ikan dan seterusnya kerugian kepada penternak-penternak ikan. Penyakit ikan yang dihadapi oleh penternak ikan di Pulau Ketam dalam bulan November 1990 ialah disebabkan kegunaan benih ikan yang kurang sihat serta amalan pengawasan ternakan yang kurang baik. Kerajaan melalui Jabatan Perikanan telah mengambil tindakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi dengan jayanya menerusi pemberian ubat untuk merawat penyakit ini serta memberi maklumat teknikal dan latihan tentang cara-cara pengendalian ternakan ikan dalam sangkar dengan teratur dan baik.

Tuan Pengerusi, sekian sahaja yang dapat saya nyatakan, diucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$826,521,400 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$826,521,400 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$656,820,680 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$656,820,680 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B.20 [Jadual]—

Maksud P.20 [Anggaran Pembangunan 1991]—

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahas. Pasir Mas.

5.15 pig.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, terima kasih.

Saya ingin merujuk Maksud B.20, mukasurat 97—Penggalakan Perdagangan, Butiran 02000 dan juga Program 020100—Perdagangan Antarabangsa. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini merupakan Kementerian baru yang telah dipisahkan daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebelum pilihanraya umum yang lalu. Walaupun Kementerian ini pada kacamata peruntukannya tidak begitu besar, keseluruhannya \$85,415,900 tetapi fungsi perdagangan antarabangsa merupakan suatu fungsi yang begitu penting bagi negara kita terutamanya

menjelang ataupun menempa abad ke-21 ini.

Tuan Pengerusi, pertama, sukalah saya mengambil kesempatan ini untuk memberi sokongan di atas usaha yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan, khususnya Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri terutamanya ke arah gagasan penubuhan pasaran bersama Asia dan Pasifik sebagai satu langkah bagi mengatasi kegagalan Persidangan G.A.T.T. baru-baru ini. Ini amat penting dan sesuai dan tepat pada waktunya oleh kerana negara-negara membangun seperti Malaysia dan juga negara-negara dunia yang ketiga sentiasa diperkotak-katikkan oleh kuasa-kuasa besar, terutamanya kuasa negara-negara Eropah ataupun negara-negara perindustrian seperti Jepun dan Korea sendiri. Maka sebab itu bagi Malaysia yang bergantung kepada hasil jualan bahan-bahan mentah di luar negara sentiasa dipermainkan oleh negara-negara yang dimaksudkan itu. Maka sebab itu saya percaya langkah yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk mewujudkan gagasan bersama pasaran ini, satu langkah yang baik dan patut disokong, bukan sahaja ianya harus dipercepatkan, tetapi juga saya ingin mencadangkan supaya ruang ataupun skop pasaran ini diperluaskan lagi di kalangan negara-negara berkecuali dan juga negara yang berada di selatan, bukan sahaja setakat di peringkat negara-negara di kawasan Asia dan Pasifik.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan itu juga dalam soal perdagangan antarabangsa ini, kemajuan ekonomi kita bergantung kepada kedudukan di peringkat antarabangsa. Ekonomi kita tidak boleh semata-mata bergantung dalam negeri, kerana hasil bahan-bahan mentah kita bergantung di pasaran dunia luar. Walau bagaimanapun sampai bila kita hendak bergantung dari segi eksport jualan mentah semata-mata? Dan Kerajaan sudahpun selama ini mengambil langkah mewujudkan barangan separuh siap ataupun barangan

siap, tetapi masalah yang paling besar ialah untuk menembusi pasaran di peringkat antarabangsa.

Maka oleh itu, Tuan Pengerusi, saya percaya sudah sampai masanya bagi memperhebatkan lagi kegiatan dan aktiviti supaya segala barangan siap daripada negara kita ini, ataupun separuh siap menembusi pasaran antarabangsa. Aktiviti ataupun program ini hendaklah direncanakan dengan lebih teratur lagi.

Saya ingin mencadangkan supaya sampai masanya Kerajaan mewujudkan sebuah perbadanan apa yang dinamakan Perbadanan Kemajuan Perbadanan Antarabangsa, iaitu bagi mengkoordinasikan seluruh kegiatan di peringkat antarabangsa dan pada masa yang sama dapat melatih ataupun mengurus usahawan-usahawan ataupun peniaga-peniaga dalam negara kita supaya dapat ditonjolkan dengan lebih agresif di peringkat antarabangsa. Usaha-usaha boleh dibuat bukan setakat dari segi barangan siap ataupun separuh siap, malah dalam berbagai-bagai bidang termasuklah industri makanan.

Kita dapati perdagangan di peringkat antarabangsa yang paling berjaya ditembusi oleh rakyat Malaysia, walaupun tidak ramai, ialah dari segi industri makanan. Wujudnya restoran-restoran makanan Malaysia di beberapa buah negara Eropah, Australia, New Zealand dan sebagainya, membuktikan makanan daripada Malaysia diterima baik ataupun disukai oleh rakyat di serata dunia. Oleh kerana makanan negara kita ini merupakan satu-satunya makanan yang lazat, yang mungkin boleh diubahsuai dalam bentuk "fast food", dengan izin, maka saya ingin mencadangkan supaya bidang ini diberi tumpuan yang khusus sebagai langkah pertama untuk rakyat Malaysia berdagang di peringkat antarabangsa, mungkin dalam lain-lain bidang walaupun sudah ada tetapi saya percaya bidang ini boleh disertai dengan begitu ramai oleh rakyat di negara kita di peringkat antarabangsa.

Kita sudah lihat contoh-contoh kejayaan dalam bidang ini yang dibuat oleh agensi MARA ataupun oleh lain-lain syarikat, ataupun oleh individu memang menunjukkan hasil yang begitu memuaskan. Maka sebab itulah, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya usaha ini mesti dilipatgandakan di peringkat antarabangsa. Sampailah masanya orang-orang Malaysia khususnya bumiputera atau orang Melayu sendiri digalakkan dengan lebih agresif supaya berdagang di peringkat antarabangsa bukan lagi seperti sekarang iaitu seperti kata di Pasir Mas, di kawasan saya, ataupun di Ampang Jaya, tetapi kita hendak dengar, kita hendak lihat rakyat Malaysia ada syarikat di New York, di Tokyo, di Adelaide, di Sydney, di merata-rata tempat di seluruh dunia, seperti bangsa Jepun dan bangsa Korea yang sekarang ini menjelajah ke seluruh dunia, orang lain tidak sampai ke Vietnam, Jepun sudah sampai ke Vietnam. Kebanyakan pedagang-pedagang bimbang untuk ke Iran kerana kedudukan Iran katanya tidak stabil, tetapi hari ini negara Iran dipenuhi dengan pedagang-pedagang daripada Jepun, daripada Korea. Semangat inilah yang harus diusahakan oleh Kementerian Perdagangan supaya rakyat kita dapat bertanding dan bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, Butiran 020200—Penyertaan Bumiputera. Dalam hal ini, saya percaya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri masih lagi bertanggungjawab terhadap pengeluaran AP-AP ataupun Permit Import khususnya sama ada kenderaan ataupun lain-lain yang berkaitan. Saya ingin bertanya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri berapakah jumlah permit kereta yang telah dikeluarkan setakat ini, baik kereta baru ataupun kereta terpakai dalam semua bentuk jenis dan berapakah permit-permit ini yang dimiliki oleh bumiputera? Adakah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengesan permit-permit ini diali-

babakan? Kalau permit-permit ini diali-babakan, saya ingin mencadangkan sudah sampai masanya untuk Kerajaan bertindak tegas iaitu supaya permit-permit ini mestilah diberi ataupun ditarik balik daripada mereka yang menjual AP semata-mata.

Kita tahu AP sekarang ini begitu laris sehingga satu AP kereta Mercedes, saya difahamkan antara \$10,000 ke \$15,000 satu AP. Ini bukan soal kita hendak bangkit ataupun hendak menarik hak mereka yang mempunyai AP tetapi kalau sepuluh, limabelas, duapuluh AP, cuba kita bayangkan berapa banyak keuntungannya. Kita mahu seberapa banyak ahli-ahli usahawan kita mendapatkan kemudahan, mendapat kejayaan, mendapat untung tetapi kita juga mengingatkan supaya AP-AP yang diberi ini jangan disalahgunakan iaitu diAliBabakan sehingga menjejaskan dasar untuk menentukan penyertaan bumiputera dalam bidang yang saya maksudkan ini.

Walau macam manapun, saya bangga dan saya mengucapkan syabas kepada pengimport-pengimport dan pengedar-pengedar kereta bumiputera yang sebelum ini dituduh tidak berupaya menjalankan perniagaan seumpama ini tetapi kita lihat sekarang ini sudah berselerak syarikat-syarikat seumpama ini yang berada sama ada di Kuala Lumpur, Petaling Jaya ataupun di seluruh negara. Mereka yang sudah berjaya ini harus dibantu, malah saya menyokong pula mereka ini diberi dan ditambahkan lagi dengan AP kalau diperlukan oleh mereka tetapi kepada golongan yang benar-benar genuine, dengan izin, golongan yang benar-benar tulen yang dapat menentukan kejayaan penyertaan bumiputera dalam bidang yang saya maksudkan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ada seminit lagi.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, oleh kerana

seminit sahaja—Butiran 030000 Penggalakan Perindustrian. Saya ingin mencadangkan wajar sangat Bank Kemajuan Perusahaan ataupun Industri yang sekarang ini di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan dipindahkan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi tujuan lebih memudahkan lagi dari segi penggalakan perindustrian yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian ini supaya kegiatannya dapat diselaraskan dan dapat digiatkan sebagaimana yang diharapkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tumpat.

5.24 ptg.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 19, B.20 mukasurat 98, Butiran 040000—Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, peruntukan \$28,452,000 rujukan Kertas Perintah 20 mukasurat 137-(c) Aktiviti Penggalakan Pelaburan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, negeri yang paling banyak menerima pelaburan daripada pelaburan perindustrian di dalam negara kita ialah negeri Pulau Pinang, Selangor dan Johor. Apa yang ingin saya sentuh di sini ialah mengenai perkembangan pelaburan di Johor. Kalau ada masa, insya Allah, saya akan sentuh juga sedikit mengenai perkembangan pelaburan di Langkawi yang diisytiharkan sebagai kawasan bebas cukai oleh pihak Kerajaan pada tahun yang lalu.

Johor telah meningkat perkembangannya kerana ia berada di sempadan dengan Singapura ditambah dengan Kerajaan Pusat telah memberi kebebasan bagi perancangan.

Tuan Pengerusi, apa yang kita tahu bahawa Singapura telah memainkan peranan yang besar. Singapura telah menjadi orang tengah bagi mendapatkan

pelaburan ke Johor. Dengan lain perkataan Singapura telah memberi kerjasama kepada Kerajaan Johor di mana Singapura telah membuktikan keupayaannya untuk mendapatkan pelaburan dari dalam dan luar Singapura ke negeri Johor. Di samping itu Singapuralah negara yang paling banyak mengimport barangan-barangan daripada negara kita. Negara yang kedua besarnya mengimport barangan daripada negara kita ialah Amerika Syarikat. Walaupun Singapura merupakan sebuah pulau yang sangat terhad tanahnya tetapi secara langsung ataupun tidak langsung pergantungan kita di bidang ekonomi terhadap negara tersebut adalah amat besar sekali.

Marilah kita memikirkan sejenak dalam Dewan yang mulia ini terutama dari segi ekonomi dan politik, apakah kita yang memerlukan kepada Singapura ataupun Singapura yang memerlukan kepada kita. Apakah yang telah terjadi di Johor sekarang ini? Berapa banyakkah pelaburan Singapura di Johor? Berapa banyakkah rumah-rumah, tanah-tanah dan rakyat Singapura yang berada di Johor sekarang ini? Harta-harta di Johor sekarang ini banyak telah dimiliki oleh syarikat-syarikat dan rakyat-rakyat daripada Singapura dan lain-lain negara. Apa yang kita mahu supaya Kerajaan kita berhati-hati, kita tidak mahu cerita, “Si Luncai terjun dengan labu-labunya” berulang lagi. Kita tidak mahu dalam jangka panjang akan menghasilkan hal-hal yang negatif kepada bangsa dan negara kita akibat daripada kesilapan kita masa kini. Kata pepatah Melayu: “Siapkan payung sebelum hujan”.

Tuan Pengerusi, kedua, terdapat banyak barangan negara kita telah dieksport melalui Singapura atau barangan-barangan negara kita dibeli oleh Singapura dan dieksport ke luar negeri. Kenapa hal seperti ini berlaku secara berleluasa? Apakah kita tidak mampu mengeksport barangan kita terus melalui pelabuhan-pelabuhan di negara kita yang sedia ada? Saya merasakan itu

akan lebih menguntungkan dan itu tidak akan terjejas hubungan dua-hala antara negara kita dengan Singapura.

Ketiga, mengenai pembinaan jambatan kedua ke Singapura. Saya fikir ini ada hubungan dengan perkembangan perdagangan dan perindustrian antarabangsa. Saya telah difahamkan pembinaan jambatan itu di atas syarat-syarat yang ditentukan oleh Singapura. Dengan lain perkataan, jambatan itu menghubungkan negara kita dengan kawasan-kawasan perindustrian di Jurong, Singapura, kilang senjata kimia dan kem tentera di Singapura. Betul atau tidak, saya tidak tahu, tetapi saya telah difahamkan.

Saya telah difahamkan juga pengambilan tanah secara besar-besaran akan berlaku di Johor. Saya difahamkan tanah bumiputera yang akan terlibat ialah lebih kurang 20,000 hektar.

Tuan Pengerusi, pengambilan akan dilakukan oleh SEDC Johor dan akan dijual kepada UE untuk dimajukan menjadi sebuah bandar baru yang indah dan termoden di Asia. Persoalannya, Tuan Pengerusi, apakah Yang Berhormat Menteri boleh memberi jaminan kepada kami—tetapi Menteri tidak ada hari ini, Timbalan Menteri ada—bahawa hubungan antara Singapura dan Malaysia akan terus baik buat selama-lamanya? Siapa yang menyangka pada suatu masa Iraq akan merampas Kuwait di mana sebelumnya Kuwait telah membantu Iraq semasa perang dengan Iran.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya rasa Yang Berhormat bercakap dasar ini. Bolehkah Yang Berhormat khususnya kepada mana-mana satu Butiran secara terperinci dan bukannya cakap dasar.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih. Sekarang mukasurat 93 B.20 Butiran 20000, Butiran Kecil 20100—

Perdagangan Antarabangsa, peruntukan \$39,034,000. Kertas Perintah 19 mukasurat 98. Butiran 01200—Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, sukacita saya ingin mengetahui apakah falsafah dan dasar Kementerian Perdagangan Antarabangsa yang baru ditubuhkan ini. Apakah dasar Program Kemajuan Perindustrian Malaysia, mukasurat 136. Kita seharusnya mewujudkan satu dasar yang lebih kemas, sesuai dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara kita yang tidak bercanggah dengan Islam sebagai agama rasmi negara. Saya rasa perlu kita wujudnya satu-satu dasar paling tidak mencakupi, pertama perkara-perkara yang memberi manfaat kepada masyarakat dan negara. Kedua, benda atau perkara-perkara yang berfaedah. Yang ketiga, ke arah berdikari dalam bidang perindustrian.

Apa yang kita lihat sekarang, Tuan Pengerusi, Kerajaan seolah-olah mementingkan keuntungan semata-mata. Mementing kepada income per capita semata-mata tanpa memikirkan soal halal atau haram, baik atau buruk. Contohnya ialah persoalan arak. Persoalan arak ini adalah merupakan isu lama. Persoalan arak ini bukan sahaja untuk kegunaan dalam negeri kita, bahkan untuk dieksport ke luar negeri.

Kita sebuah negara yang kita mengakui Agama Islam sebagai Agama Rasmi, Kerajaan kita mahu menerapkan nilai-nilai Islam tetapi tahu-tahu negara kita ialah sebuah negara yang membekalkan arak. Bukan sahaja bekalan itu untuk kita dalam negeri, bahkan pembekalan itu untuk kita eksport ke luar negeri. Saya amat berasa dukacita. Mungkin Menteri di Jabatan Perdana Menteri ada pada hari ini, sepatutnya dia bangun untuk bertanya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat ada masa seminit lagi. Sila gulung.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada orang yang bangun? Dia cuma ada seminit lagi.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Penjelasan, kalau izin. Boleh?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Boleh.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, tadi dikatakan berkenaan arak itu haram. Boleh atau tidak saya tanya Yang Berhormat dari segi pemasaran. Macam di Kelantan pun ada pasaran juga nampaknya. Jadi saya rasa kalau Kelantan sanggup membatalkan kesemua sekali, adakah itu pada pandangan Yang Berhormat lebih baik cadangannya?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Begini, Yang Berhormat. Saya rasa lebih mudah kita bercakap ini dengan orang-orang yang beragama Islam. Ada Hadis Nabi s.a.w. yang bermaksud: "orang yang mengedar arak apa lagi"

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Pembuat, penjual, pengedar!

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Semua ini dilaknat oleh Allah s.w.t. Itulah maksudnya. Saya kira Yang Berhormat faham dengan apa yang dijawab itu.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Yang menghalal atau mengizinkan orang lain selain daripada orang Islam mendapat kemudahan

meminum arak tidakkah itu salah dari undang-undang atau dari segi Islam?—menggalakkan. Mengizinkan bererti menggalakkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Islam melarang orang Islam

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Tumpat, diperingatkan cuma ada seminit lagi. Kurang dari seminit. Cuba menyentuh kepada apa yang hendak dibangkitkan, bukan perkara dasar.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya kira Yang Berhormat itu faham. Persoalan yang kedua, satu minit. Maaf. Kita boleh bercakap dalam kantin, insya Allah.

Persoalan yang amat memalukan ialah yang mencemarkan nilai-nilai Islam yang telah menjatuhkan maruah negara kita secara langsung iaitu persoalan kita bersyubahat dengan kerja-kerja haram yang dilakukan oleh si-pelakunya, baik dari dalam mahupun dari luar negeri.

Saya difahamkan negara kita sekarang ini telah pun mengeksport sebanyak 80% perkara yang saya maksudkan itu dan telah beredar dalam negeri sebanyak 20%. Apa yang mendukacitakan, kerana Menteri yang menggalakkan pembikinan perkara-perkara yang saya rasa apa kita istilahkan kondom itu ialah Menteri yang bertanggungjawab dalam soal itu ialah seorang Menteri wanita. Dan saya amat-amat berasa sedih dan amat berasa dukacita.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Marilah kita jadikan negara kita ini sebuah negara yang berkat. Untuk mencari keberkatan,

marilah kita sama-sama berusaha ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Arau.

5.37 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat itu, kondom haramkah? (Ketawa)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Boleh saya jawab.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila teruskan. Jangan berdialog di sini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, tidak apa, sekejap lagi Yang Berhormat boleh minta penjelasan kepada saya supaya dia mengikut peraturan sedikit. Tetapi saya hendak tahu haram atau tidak haram benda itu. Pening juga kita dengar perkara itu, sebab banyak fatwa kita terima tiap-tiap hari, jadi saya pun sudah naik pening.

Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak bercakap soal A.P.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Butiran berapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini Butirannya Khidmat Sokongan, Pentadbiran dan Kewangan. Saya hendak tanya A.P. ini masuk bawah mana? Saya tengok di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri pun tidak ada, dalam Kementerian ini pun tidak ada. Adakah A.P. ini dimansuhkan atau dimasukkan di bawah tempat-tempat yang kita tidak nampak atau disembunyikan di mana-mana.

Jadi saya cadangkan, Tuan Pengerusi, oleh kerana Menteri ini di antara Menteri yang terbaiklah, Menteri wanita kita ini banyak menggalakkan perindustrian dan

sebagainya. Walaupun dia Menteri UMNO tetapi cara dia bertindak dia tidak kira siapa, yang penting dialah Menteri Kerajaan Malaysia. Dia tidak patut tumpukan benda remeh-temeh ini. Ini soal peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha dalam negeri. Kenapa masih lagi dimasukkan di bawah Kementerian ini. Masuklah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri ini ada Menteri dan Timbalan Menteri. Timbalan Menteri pula bekas Timbalan Menteri yang senior pula

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini cakap dasar ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bukan dasar. Hendak tanya, sebab duduk di mana. Jadi saya hendak bertanya duduk di mana sekarang? Jadi kerana dia sibuk supaya ini ditukarkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri. Saya tidak mahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri jadi Kementerian apa—peruntukannya \$32 juta, Tuan Pengerusi. MIDA pun \$28 juta peruntukannya. Ini Kementerian baru \$32 juta. Menggelikan dan mencuit hati. Ketawa saya. MARA pun lebih besar, malah MARA dekat berapa ratus juta ringgit. Ini Kementerian, ada Menteri, ada Timbalan Menteri; MARA ada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi sahaja. Peruntukannya lebih. Besok kita cakap pasal itulah. Jadi saya minta supaya A.P. ini di samping saya bersetuju pandangan Ahli dari Pasir Mas, dia ada pandangan yang liberal sedikit, dia kadang-kadang lebih memihak kepada Barisan. Saya setuju dengan dia iaitu supaya tindakan diambil kepada mereka yang meng-Ali-Babakan A.P. ini.

Dan A.P. ini kalau boleh, oleh kerana ini merupakan perkara-perkara remeh dan menimbulkan banyak masalah, serahlah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana Timbalan

Menteri itu orang yang senior dan dia tahu cukup untuk handle benda-benda yang sensitif ini.

Kemudian saya hendak sentuh, Tuan Pengerusi, Butiran 02000 Penggalakan Perdagangan. Ini secara ringkas sebab masa tak ada iaitu MEXPO sekarang ini dibuat di Kuala Lumpur sahaja, setakat yang saya tahu. Kalau dibuat di tempat lain, saya tidak maklum. Jadi, saya cadangkan supaya MEXPO ini dibuat di negara-negara lain juga. Jika diadakan di negara-negara lain, saya percaya pengusaha-pengusaha kita akan memberikan sokongan kepada Kerajaan terutama mereka yang terlibat untuk memamerkan barang-barang mereka supaya ditambahkan di tempat-tempat lain di bandar-bandar besar seperti di Tokyo, mungkin juga Singapura dan lain-lain bandar lagi untuk membolehkan barangan kita ini diketengahkan dengan lebih gigih lagi di peringkat antarabangsa.

Kemudian, yang keduanya, berhubung dengan perkara yang sama dibawah Penggalakan Perdagangan, saya mencadangkan dan meminta supaya pihak Kerajaan berbuat sesuatu untuk menentukan sekiranya GSP ini ditarik balik, apakah usaha-usaha untuk membolehkan kita bertanding? Di samping usaha-usaha gagasan ASEAN berhubung dengan perdagangan tadi, apakah usaha-usaha lain yang dibuat untuk membolehkan kita bersedia. Kita tak mahu kesatuan sekerja yang tidak ada modal lain memeras-ugut Kerajaan dengan GSP. Sekarang apakah langkah persediaan kita kalau sebenarnya GSP ini ditarik balik? Kita tak kiralah sebab mereka ini sudah rosak pemikiran mereka, tak boleh fikir yang lain lagi. Kita biarkan, tetapi di pihak kita bersedia, sebab kita tak mahu korbankan pekerja kerana dua, tiga orang yang telah rosak fikiran mereka.

Kemudian saya ada tengok di sini di bawah Butiran 020200 Penyertaan Bumiputera, peruntukan yang diberikan ialah \$727,000.

Saya percaya ini merupakan emolument dan ianya amat kecil. Baru-baru ini Menteri yang berkenaan telah memansuhkan Unit Penyertaan Bumiputera di Kementerian berkenaan dan menganggap seluruh Kementerian itu, dia kata, kita jadikan sebagai satu Unit Penyertaan Bumiputera. Semua orang terlibat. Apabila dibuat macam ini, Tuan Pengerusi, pun tahulah maklum, kalau sekurang-kurangnya ada Unit itu, kita boleh bertumpu kepada Unit berkenaan walaupun Unit itu sudah tidak berkesan lagi. Dia bubuh Pegawai Superscale F dan yang duduk di atasnya ialah Superscale A, B, C dan D. Saya ingat Superscale F ini tenggelam dalam laut begitu sahaja. Hendak buat keputusan apa? Dia bolehlah bagi syarahan kecil kalau kita pergi berjumpa dia macam mana hendak berniaga. Saya kata, "Kalau you berhenti, you berniaga burger pun rugi, tak payahlah beri syarahan kepada saya".

Sekarang ini saya cadangkan supaya sesuatu dibuat, walaupun Menteri kata yang menjadi Ketua Unit Penyertaan Bumiputera ini KSU sendiri. Kita hendak pergi jumpa ialah KSU ini, minta ampunlah, saya bercakap ini sebagai Naib Presiden Malay Chamber of Commerce, boss saya Presiden, ada di belakang sana. Kalau kita hendak pergi jumpa KSU ini, bila-bila pun boleh. Kalau hendak jumpa Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklumlah, di Parlimen pun kita kurang nampak dia, sebab dia sibuk dengan masalah antarabangsa dan kita pun bersetuju. Jadi hendak jumpa siapa? Hendak jumpa Timbalan Menteri, beliau pun sibuk juga fasal MCA dan lain-lain lagi. Jadi, saya naik susah hati. Saya cadangkan supaya Unit Penyertaan Bumiputera ini mungkin diletakkan di bawah Kementerian ini setengahnya, sebab kita hendak juga industri luar yang masuk ke sini kerana ada penyertaan bumiputera dan dimasukkan juga Unit ini di bawah Kementerian yang baru. Barulah ada kesan sedikit. Walaupun kita tak tahu tetapi kita tercium bau-bau ada sedikit

perebutan itu. Kalau tidak, macam mana dia dapat \$85 juta, yang bawah ini \$32 juta. Buatlah sesuatu. Walaupun Menteri atau Timbalan Menteri, kalau saya tanya, dia kata, "Allah, tak ada apalah". Ini jawapan biasa, saya pun boleh jawab. Tetapi cakaplah betul-betul. Apa yang terjadi, untuk membolehkan kita tidak confuse, dengan izin.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masih ada dua minit lagi untuk menggulung.

Tuan Shahidan bin Kassim: Berapa minit?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dua minit.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya baru cakap lima minit, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi kiralah, saya ada jam di depan saya ini, saya sudah kira.

Tuan Pengerusi (Ong Tee Keat): Dua minit lagi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, minta maaf, saya baru cakap lima minit. Saya ada jam di sini. Kemudian saya minta, Tuan Pengerusi silap kira, sebab tadi soalan dia itu.

Tuan Pengerusi (Ong Tee Keat): Tak silap, itu tidak timbul.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kemudian fasal Butiran 030000—Penggalakan Perindustrian, saya minta saham untuk bumiputera ini walaupun disyaratkan diberi kepada syarikat atau individu supaya ditambah dan kalau boleh diberikan kepada syarikat-syarikat yang kita hendak supaya dia boleh berdiri di atas kaki sendiri. Kita tahu, kita boleh bagi kepada PNB, tetapi PNB merupakan gergasi yang besar dan sebagainya, yang kecil-kecil ini diberi kepada syarikat-syarikat untuk menggalakkan mereka tampil ke hadapan dan bertanding. Sebab kita tak mahu, kita cuma dapat katakan saham dalam PNB, tetapi dari segi pengalaman

kita tidak ada. Kita tunggu syer naik-turun, naik-turun, itu sahaja. Tetapi kalau sekiranya kita sendiri terlibat, itu lain. Maknanya kita dapat pengalaman turun dan jatuh, seperti pengalaman pemanjat gunung. Itu memang payah, kerana kalau dalam Dewan ini susah orang hendak pergi panjat gunung, semua akan jatuh, kalau tak belajar dulu.

Kemudian di bawah perkara yang sama, Skim Komponen Proton, saya minta, walaupun ini telah dijanjikan oleh Menteri untuk memberikannya kepada bumiputera, saya ingin bertanya sekarang ini berapa ramai bumiputera yang terlibat. Saya ingin bertanya mengapakah bumiputera yang hendak dilibatkan dengan komponen Proton ini diberi perkara-perkara yang berat. Perkara-perkara yang ringan diberikan kepada orang lain seperti buat getah dan lampu iaitu yang ringan-ringan diberi kepada orang lain. Bila ada kawan-kawan dari bumiputera yang pergi jumpa, dia suruh buat pintu. Untuk buat pintu, hendak import dia punya acuan dari Jepun berharga harganya \$3-\$4 juta. Itu acuan sahaja sudah kena import dari Jepun. Silap acuan, rugi pula kita. Jadi, berilah komponen yang kita hendak buat ini, komponen yang mudah kita buat, yang kita bersedia untuk membuatnya.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ini sebagai isyarat, jam saya menunjukkan tiga minit lagi, iaitu Butiran 050000—Pusat Daya Pengeluaran Negara. Ini saya cakap perkara yang akhir sekali iaitu kita lihat Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN), sekarang ini dia beri perhatian kepada mana, dia telah melatih kursus untuk hotel dan restoran sebanyak 2,400 orang peserta yang telah dibuat dalam tahun 1990. Saya mintalah supaya PDPN ini memberi perhatian kepada usaha-usaha khidmat nasihat dan juga latihan usahawan. Kursus-kursus yang macam ini beri kepada MARA atau ITM, kepada Yayasan Pelajaran MARA atau kepada sesiapa yang boleh buat pengkhususan. Dia beri perhatian kepada perkara-perkara yang lebih berat,

yang mana usahawan sekarang ini menghadapi masalah iaitu untuk mendapat pengetahuan dan juga latihan kemahiran. Dulu kita ada Jabatan Perdana Menteri menghantar peserta ke luar negeri, selama tiga bulan dan sebagainya. Saya rasa program itu mungkin telah ditamatkan sekarang. Sekarang ini PDPN patut mengambil alih dan memberi latihan dalam negeri kepada usahawan-usahawan kita. Demikianlah sahaja, Tuan Pengerusi dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Johor Bahru.

5.48 ptg.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin (Johor Bahru): Tuan Pengerusi, saya suka membahaskan Maksud Bekalan B.20, Butiran 030000—Penggalakan Perindustrian, mukasurat 97.

Pada hari ini kita turut merasa bangga kerana dasar dan langkah-langkah Kerajaan melalui Kementerian ini telah dapat menggalakkan pertumbuhan sektor perkilangan dan juga sektor perindustrian. Kejayaan-kejayaan tersebut adalah hasil daripada berbagai dasar, strategi dan usaha yang diperkenalkan oleh pihak Kementerian ini. Tetapi saya ingin tahu sama ada penubuhan Zon Ekonomi Segitiga Emas yang melibatkan Johor, Singapura dan Batam juga merupakan satu strategi Kementerian, ataupun jika Kementerian ini tidak terlibat, sebagai satu cara yang dialu-alukan oleh Kementerian bagi menggalakkan perindustrian dan perdagangan bagi negara ini, khususnya konsep ini selaras dan tidak bertentangan dengan matlamat pelan pembangunan negara pada keseluruhannya. Dalam hal ini, saya berharap Kementerian dapat benar-benar memainkan peranan yang aktif supaya negara-negara yang terlibat khususnya negara kita benar-benar mendapat faedah daripada penubuhan Zon Segitiga Emas ini.

Semua negara dalam zon ini seharusnya mendapat faedah ataupun pulangan yang seimbang kerana kalau ini tidak berlaku maka penubuhan zon ini akan mendatangkan pelbagai reaksi.

Tuan Pengerusi, kalau semua negara yang terlibat ini benar-benar menerima konsep Zon Ekonomi Segitiga Emas ini, mereka mestilah juga dapat menunjukkan keikhlasan yang sebenarnya dalam perhubungan di antara satu sama lain. Kita berharap Kementerian menentukan jangan ada negara lain memeralatkan kemewahan tanah kita, memeralatkan kemewahan bahan-bahan mentah kita dan juga gaji murah tenaga pekerja kita. Kalau mereka mahu ini semua, mereka juga mesti sanggup mengorbankan sedikit sebanyak kelebihan yang mereka ada untuk penggunaan kita.

Tuan Pengerusi, saya bercakap ini mengenai negara Singapura yang baru-baru ini telah membuat satu peraturan tiga suku pengisian minyak bagi kenderaan-kenderaan Singapura sebelum masuk ke Johor Bahru. Saya setuju ini merupakan satu hak negara Singapura untuk menetapkan peraturan itu, tetapi mereka seolah-olah tidak menerima kesan-kesan yang lahir daripada kedudukan dua buah negara yang bersempadan, sekaligus menunjukkan motif dan keikhlasan mereka dari segi perhubungan antara dua negara lebih-lebih lagi dari segi hendak menjayakan konsep Zon Ekonomi Segitiga Emas yang saya sebutkan tadi.

Saya berkata tadi semua negara mesti mendapat pulangan yang seimbang kalau hendak diadakan kerjasama ekonomi dan bukannya pulangan yang sama. Kalau melalui konsep ini orang-orang Singapura boleh beramai-ramai melabur di Johor, kita tidaklah mengharapkan orang-orang Johor pula membuka kilang di negara Singapura—itu memang sesuatu yang mustahil, tetapi kita mengharapkan lebih ramai rakyat Singapura masuk ke Johor menggunakan

dollar mereka bagi mempertingkatkan perdagangan khususnya di bandar Johor Bahru.

Mengikut anggaran Kerajaan Singapura, mereka kehilangan hasil sebanyak \$2 juta setiap bulan sekiranya tidak ada peraturan topping-up ini, dengan izin. Apalah salahnya kehilangan sejumlah wang yang tersebut, bukannya banyak sangat. Lagi pun yang untung peniaga-peniaga Johor Bahru, bandar yang termasuk dalam Zon Ekonomi Segitiga Emas yang Singapura sendiri mempunyai kepentingan yang lebih daripada kita semua untuk melihat kejayaannya.

Tuan Pengerusi, dari segi Kementerian, saya berpendapat mestilah ditentukan, iaitu perancangan pembangunan ekonomi sebahagian daripada wilayah negara kita, Johor khususnya mestilah ditentukan oleh negara kita sendiri, bukannya negara asing. Pendek kata Kementerian mesti merancang arus perjalanan dan arus pembangunan perdagangan dan perindustrian negara kita termasuk negeri Johor. Pokoknya, arus pembangunan ekonomi Johor tidak harus diikat dengan Singapura kerana akhirnya nanti pembangunan ekonomi Johor tidak menepati perancangan ekonomi Malaysia, tetapi lebih kepada negara luar iaitu negara Singapura.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara mengenai penubuhan zon ekonomi ini yang melibatkan peranan aktif Kementerian ialah sejauh mana Kementerian menentukan kilang-kilang yang melabur ataupun dipindahkan khususnya daripada Singapura masuk ke Johor tidak memberi saingan kepada kilang-kilang yang dimiliki oleh orang-orang tempatan ataupun peniaga-peniaga tempatan. Saya bercakap khususnya mengenai kilang pakaian ataupun kilang kain. Kita memang seharusnya melindungi industri pakaian kita. Apabila kilang-kilang tersebut beroperasi di Malaysia, mereka sudah tentulah berhak memohon kuota

mengeksport barangan-barangan mereka ke negara-negara Barat. Kita tahu kuota ini adalah terhad dan kilang-kilang pakaian yang ada di Singapura tidak mendapat kuota tersebut seperti yang mereka harapkan. Satu jalan keluar ialah memindahkan operasi mereka ke Malaysia khususnya ke Johor Bahru dan cuba mendapatkan kuota pakaian yang diperuntukkan untuk kilang pakaian di Malaysia.

Tuan Pengerusi, beralih kepada tajuk yang lain, tetapi dalam Butiran 020000, saya ingin tahu selain daripada menggalakkan kemasukan pelaburan ke dalam negara ini, sejauh manakah peranan Kementerian ini dari segi menentukan syarikat-syarikat Malaysia dapat pula membuat pelaburan atau dapat membuka kilang di seberang laut. Walaupun pada mulanya wang negara akan mengalir keluar, tetapi apabila sampai masanya, faedah dan pulangan daripada pelaburan luar negara tersebut bukan sahaja lumayan, tetapi akan dapat membantu mengimbangi akaun defisit negara. Dalam hubungan ini saya percaya Kementerian inilah yang mempunyai tanggungjawab utama untuk melihat kejayaan apa yang kita pernah dengar satu ketika dahulu iaitu Sogososha Malaysia.

Kalau kita mengkaji Kementerian Perdagangan Antarabangsa Jepun, mereka mengatur dan menggabungkan beberapa syarikat untuk merebut peluang-peluang perniagaan di seberang laut. Saya berharap Kementerian ini ada melakukan perkara yang sama dan berharap dapat dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini.

Akhirnya Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 040100—Kemajuan Perindustrian, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan dari segi memberi insentif kepada syarikat-syarikat yang memberi tumpuan kepada Research and Development, dengan izin, atau pun Penyelidikan dan Pembangunan, tetapi saya berharap R&D ini tidak hanya ditumpu kepada melahirkan barangan,

tetapi juga menyelidikan ke arah melicinkan kerja dan mengurangkan kos operasi di syarikat ataupun di kilang-kilang. Dalam hal ini saya berharap badan-badan Kerajaan yang menjalankan R&D dapat memaklumkan hasil penyelidikan mereka kepada industri-industri atau syarikat-syarikat yang boleh menggunakannya bagi meningkatkan keupayaan mereka.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Seputeh.

5.57 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada mukasurat 97, Maksud Bekalan 20, Butiran 020000—Penggalakan Perdagangan dan Butiran 030000—Penggalakan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, kenyataan Yang Berhormat Menteri ketika merasmikan pameran KLIT Showcase 1991 pada 4hb Januari 1991 lalu bahawa Kerajaan sudah meluluskan 65 projek membabitkan pelaburan \$954.7 juta memberi gambaran yang baik kepada perindustrian di negara kita. Amerika Syarikat juga nampaknya berminat untuk membuat pelaburan seperti syarikat pembuatan Monitor Wana dan Keyboard yang melabur US\$10 juta mulai Ogos 1990 di Zon Perdagangan Bebas Pulau Pinang.

Memang usaha menarik pelabur ke negara ini bukanlah mudah. Kerajaan mengakui terpaksa berkorban dengan mempersetujui untuk memberi kebenaran kepada pelabur asing ini memegang 100% ekuiti bagi perusahaan yang mengimport 50% barang keluarannya, tetapi dalam mengejar keperluan mencari pelabur luar, janganlah kita meletakkan negara dalam keadaan untuk “untung sekarung, ruginya seguni”.

Tuan Pengerusi, kilang-kilang pembuatan di sekitar Zon Perdagangan Bebas di Pulau Pinang itu memberi

pekerjaan kepada ramai belia. Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari BN (Barisan Nasional) dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri itu baru-baru ini menimbulkan masalah keruntuhan moral belia-belia akibat pembangunan industri yang pesat.

Masalah keruntuhan akhlak memang masalah individu tetapi apalah ertinya kita berbangga dengan pembangunan fizikal kalau pembangunan rohani ditekupikan. Kebersihan rohani ini tidak terhad kepada akhlak belia-belia yang dibimbangkan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri di Pulau Pinang itu sahaja tetapi melibatkan juga kebersihan alam semula jadi dan persekitaran kita. Kesihatan anggota masyarakat adalah bermula dari persekitaran yang bersih dan udaranya yang nyaman. Penduduk-penduduk di sekitar Jalan Sungai Besi, Jalan Kelang Lama dan kawasan-kawasan industri di lain-lain tempat di Malaysia sudah kerap kali merungut akibat pencemaran udara. Pengusaha-pengusaha kilang tidak menghiraukan rungutan orang ramai seperti masuk telinga kiri keluar telinga kanan, disebabkan Kerajaan tidak mengambil langkah positif mencegah perbuatan biadap mereka itu.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia bukanlah menentang pembangunan dan industri-industri yang berkembang pesat tetapi mereka berharap kilang-kilang terbabit perlu menyediakan tempat pembuangan sisa-sisa toksid, kesan dari kerja-kerja di kilang industri berkenaan. Sisa-sisa toksid yang dibuang ke saliran menuju ke sungai-sungai berhampiran memberi kesan negatif kepada kesihatan penduduk-penduduk berhampiran. Penduduk-penduduk sekitar Gombak, Batu 5, misalnya sudah bertahun-tahun merungut mengenai bau busuk akibat kilang memproses getah di situ. Pihak kilang tidak menghiraukan rungutan orang ramai selagi Kerajaan tidak bertindak tegas. Tentulah tidak munasabah kilang yang demikian besar terletak di kawasan kediaman. Memang

mereka boleh mencari alasan bahawa kilang berkenaan telah lama wujud sebelum kawasan ini menjadi kawasan perumahan. Tetapi dari segi logiknya, kalau pihak kilang berkenaan tidak menentang pembangunan maka ianya perlu berpindah mencari tempat baru yang tidak di kawasan kediaman. Semasa kilang berkenaan dibina dahulu, kawasan Gombak Batu 5 itu belumlah membangun, kita merasa hairan mengapa demi pembangunan perusahaan kilang itu tidak mahu berkorban dengan memindahkan kilang industrinya ke kawasan lain.

Tuan Pengerusi, demikian juga kilang baja MAIFEX Sdn. Berhad di Melaka yang mencemarkan air Sungai Melaka. Kilang ini juga tidak menyediakan tempat pembuangan sisa-sisa toksid tetapi mengalirkannya ke sungai. Contoh-contoh yang berbangkit dari kesan-kesan pembangunan dan industri ini bukan bermakna rakyat menentang pembangunan tetapi Kerajaan harus memahami masalah rakyat akibat dari pembangunan yang kita buru selama ini.

Di samping membangunkan industri Kerajaan mesti bersedia mengatasi pencemaran udara, sungai dan akhlak belia-belia.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Saya rasa masalah pencemaran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini tidak berkaitan secara langsung dengan penggalakan perdagangan dan perindustrian.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, ini adalah satu kesan buruk daripada pembangunan industri.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Memang kesan itu ada, tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat awal tadi ialah penggalakan perdagangan dan penggalakan perindustrian.

Tuan Liew Ah Kim: Tetapi ini adalah satu kesan yang buruk daripada pembangunan industri di negara kita.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ada isi kandungan yang lain yang hendak dibangkitkan lagi?

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, sikap monopoli perniagaan memang menjadi amalan yang diwarisi dari penjajah Inggeris. Monopoli dalam perniagaan ini lebih banyak memberi kesan negatif. Dalam laporan Beriteks beberapa minggu yang lalu, menyebut nisbah 1.2 tan metrik besi keluli tidak dapat memenuhi permintaan eksport berbanding dengan 0.5 tan metrik yang mampu dibekalkan oleh PERWAJA. Dengan melantik PERWAJA sebagai monopoli mengeksport besi keluli maka kita terdedah kepada masalah, "yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran".

Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam akhbar Berita Harian 5 hb Januari, 1991 mengakui bekalan besi keluli mencukupi, tetapi sebelum ini Persatuan Pemborong Binaan Malaysia (MPA), Persatuan Perumahan Malaysia dan Persekutuan Industri Besi dan Keluli Malaysia memberi tempoh sebulan kepada pengilang besi bulat berbagai saiz tempatan untuk memenuhi permintaan pengguna, ketiga-tiga badan berkenaan mendesak Kerajaan membenarkan mereka mengimport besi keluli sekiranya tidak mencukupi. Kalau penggunaan dalam negara tidak mencukupi bagaimana kita boleh mengeksport besi keluli ini. Kalau pengeluaran besi keluli sehingga 28hb Disember, 1990 sebanyak 2,049 tan metrik berbanding dengan permintaan hanya 2,000 tan metrik, mengapa masalah kekurangan bekalan besi keluli ini ditimbulkan oleh tiga badan pengguna itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada masa dua minit lagi untuk menggulung.

Tuan Liew Ah Kim: Terima kasih. Ada lima syarikat yang mengeluarkan besi keluli seperti disenaraikan. Setakat ini Malayawata Steel Berhad membuat pengeluaran sehingga 212,893 tan metrik, Amalgamated Steel Mills Berhad—394,394 tan metrik, Southern Iron dan Steel Works Sdn. Berhad—131,916 tan metrik, Antara Steel Sdn. Berhad—42,872 tan metrik dan Dayong Steel Sdn. Berhad—12,258 tan metrik dengan jumlah 814,333 tan metrik yang dikeluarkan oleh lima syarikat ini. Bekalan besi keluli menjadi masalah kepada pengguna-pengguna, sebaliknya Kerajaan menjelaskan baki stok sehingga 31 Disember 1990 ialah 26,000 tan metrik.

Di manakah silapnya, bilamana sistem monopoli dibiarkan kepada suasana begini dalam pasaran tidak akan dapat dikawal. Kerajaan akan sentiasa menerima laporan mengenai stok yang berlebihan sedangkan pengguna-pengguna yang mengalami keadaan pasaran hanya sekadar melukut sikap birokrasi dalam pentadbiran negara memang dipenuhi dengan sistem hanky panky tetapi berapa banyak pun rungutan disampaikan Kerajaan BN akan menganggapnya sebagai tuduhan melulu yang tidak berasas. Bukan sahaja PERWAJA tidak perlu diberi hak monopoli pasaran eksport besi keluli malah syarikat lain juga tidak wajar diberi peluang monopoli ini. Sekian.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): (*Bangun*)

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya benarkan seorang lagi berbahas sebelum Timbalan Menteri diminta jawab. Yang Berhormat dari Machang.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat Kertas Perintah

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap, Yang Berhormat. Ini adalah keputusan saya. Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta perbahasan ini dilanjutkan kerana sepatutnya chance diberikan. Perbahasan bermula pada pukul 5.15 petang dan tidak sampai ke dua jam pun.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Machang.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi harus beri chance.

6.12 ptg.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan (Machang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian kepada Maksud Bekalan B.20, mukasurat 97, Butiran 030000 mengenai Kemajuan Perindustrian. Sebanyak \$3.284 juta telah diperuntukkan untuk Butiran ini iaitu untuk penggalakan industri bagi tahun 1991.

Tuan Pengerusi, walaupun peruntukan ini kecil tetapi ia telah mencapai kejayaan yang baik walaupun peruntukan yang agak kecil iaitu satu hasil yang agak tinggi daripada kos yang minima. Jadi saya percaya ini adalah satu pengurusan yang baik. Mengikut laporan akhbar semalam, sebanyak \$49 bilion permohonan untuk pelaburan industri telah diterima. Ini mengikut kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan sendiri. Jadi, dari jumlah tersebut, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan sama ada adakah semua daripada jumlah permohonan sebanyak \$49 bilion itu telah diluluskan, dan jika diluluskan, berapa peratus yang telah beroperasi dan jika ada kesempatan, harap dapat diberi pecahan mengikut negeri.

Saya percaya bahawa sebahagian besar daripada permohonan-permohonan yang diterima itu ialah

tertumpu kepada beberapa buah negeri sahaja, seperti Pulau Pinang, Johor dan Selangor. Saya difahamkan bahawa ketiga-tiga negeri ini telahpun mengalami kekurangan tenaga kerja. Oleh itu saya cadangkan supaya diadakan satu usaha untuk mengagihkan industri-industri tersebut kepada negeri-negeri yang tinggi kadar penganggurannya seperti negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Perlis. Jadi, saya berharap pihak Kementerian menjalankan satu usaha yang konkrit untuk mengagihkan kilang-kilang ke negeri-negeri tersebut.

Sebagaimana yang telah diakui oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, negeri Kelantan amat kurang dari segi pelaburan kerana "geographical disadvantage". Oleh itu, untuk mengimbangi kelemahan dan mengimbuh kelemahan ini adalah dicadangkan supaya Kementerian memberi insentif yang khusus bagi negeri-negeri yang menghadapi masalah "geographical disadvantage" ini, dengan izin, iaitu Kelantan dan Terengganu. Di antaranya ialah memberi Taraf Perintis ataupun Elaun Cukai Pelaburan kepada kesemua pelabur yang mengeluarkan barang-barang untuk eksport di negeri Kelantan dan Terengganu. Oleh kerana negeri Kelantan dan Terengganu terletak jauh dari pelabuhan maka kos pengeluaran barangan agak tinggi kerana kos pengangkutannya tinggi, iaitu kos pengangkutan untuk bahan-bahan mentah dan juga barang-barang siap.

Jadi, saya mencadangkan Kerajaan Pusat membantu Kerajaan Negeri dengan memberi subsidi dalam usaha untuk menubuhkan lebih banyak kawasan-kawasan perindustrian di negeri-negeri tersebut. Sebagai langkah jangka panjang, saya mencadangkan supaya di salah sebuah negeri iaitu di Kelantan atau di Terengganu dibina sebuah pelabuhan. Dengan terbinanya pelabuhan ini akan dapat mencetuskan

pembangunan industri di negeri-negeri tersebut.

Saya juga ingin menarik perhatian terhadap kelonggaran 100% ekuiti kepada pelabur asing yang mengeluarkan barang untuk dieksport sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Seputeh sebentar tadi. Saya berpendapat bahawa dasar ini merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan kegagalan Dasar Ekonomi Baru, khususnya dalam usaha untuk mencapai 30% penyertaan bumiputera dalam sektor industri dan perdagangan. Akibat dari ini peratus jumlah syarikat pembuatan yang dimiliki sepenuhnya oleh pelabur asing telah meningkat dari 2% pada tahun 1984 kepada 57% dalam tahun 1989.

Dalam usaha untuk menarik pelaburan, kita berharap pihak Kementerian atau Kerajaan janganlah terlalu beralah kepada pelabur-pelabur asing, khususnya multinational companies sehingga mengorbankan prinsip dan dasar negara. Saya mencadangkan supaya dasar kelonggaran ekuiti sebanyak 100% dihapuskan dengan segera. Ekuiti tempatan, khususnya ekuiti bumiputera, perlu ditingkatkan. Kerajaan perlu menentukan sejumlah kuota terhadap ekuiti yang perlu dikenakan ke atas pelabur-pelabur asing demi untuk menjaga kepentingan negara.

Selain daripada ekuiti, saya harap juga supaya kontrol di dalam syarikat itu ditingkatkan. Peningkatan kontrol bagi pengurus-pengurus tempatan, pengurus-pengurus warganegara, khususnya bumiputera supaya syarikat tersebut tidak hanya dari segi ekuitinya terdapat ekuiti tempatan, tetapi dari segi pengurusan juga perlu ada management control daripada warganegara sendiri supaya dapat digalakkan transfer of technology.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula menyentuh mengenai keadaan perindustrian yang ada sekarang iaitu agak

narrow base. Bila disebut sahaja industri kilang, ia sentiasanya berkait dengan kilang elektrik, elektronik dan tekstil. Jadi, sebanyak lebih kurang 57% daripada export manufactures ini terdiri daripada barang-barang elektrik dan elektronik. Dari segi ini, kita perlu diversifikasikan. Kita perlu pelbagaikan industri kita supaya tidak hanya bergantung kepada satu sektor iaitu sektor elektronik, elektrik dan juga tekstil dan garment. Saya harap kita meningkatkan usaha untuk mempelbagaikan sektor industri ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada dua minit lagi untuk menggulung.

Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya juga ingin menarik perhatian kepada Kertas Perintah 28 Tahun 1990 iaitu Laporan Ketua Audit Negara, mukasurat 31 mengenai Pembinaan Pavilion Malaysia di Exposisi Dunia di Vancouver. Saya ingin ambil sedutan laporan ini:

“Kementerian hanya menjemput 3 pemborong sahaja untuk membuat tawaran manakala peraturannya sekurang-kurangnya 5 penawar.

Penilaian teknikal secara formal tidak dibuat ke atas tawaran-tawaran tersebut.

Pada mulanya, Pavilion Malaysia dianggap akan dibina di satu kawasan tanah lapang. Walau bagaimanapun, oleh kerana kelewatan mengesahkan penyertaan Malaysia, Pihak penganjur Exposisi telah menukarkan tapak itu ke satu kawasan lain yang memerlukan pentas terapung. Dengan demikian, kontraktor telah diberi bayaran tambahan sebanyak \$1.18 juta. Walau bagaimanapun, tapak baru juga telah didapati tidak sesuai dan satu kawasan lain pula telah diperuntukkan oleh pihak penganjur. Mengikut Kementerian, bayaran tambahan

\$1.18 juta kepada kontraktor telah digunakan untuk kerja-kerja penyediaan tapak.”

Jadi, apabila pihak Ketua Audit Negara membuat teguran ini saya dapati dalam Kertas Perintah 29 tidak ada penjelasan ataupun jawapan kepada teguran ini. Jadi, satu pembinaan yang bernilai \$2.65 juta dan tambahan \$1.18 juta—ini satu peruntukan yang banyak. Saya rasa kesallah kerana tidak ada penjelasan ataupun jawapan kepada teguran Audit di dalam Kertas Perintah 29 Tahun 1990.

Jadi, saya rasa kesallah kerana biasanya bagi Jabatan Kerajaan ataupun kakitangan Kerajaan apabila dibuat teguran Audit, semestinya dijawab tetapi di sini tidak ada jawapan untuk teguran ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

6.22 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Pengerusi, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan mengenai Kementerian saya. Enam Ahli Yang Berhormat telah berbahas.

Yang pertama saya hendak tujukan kepada masalah-masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai dengan soal A.P. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri memberi AP kepada peniaga bumiputera yang sentiasa menunjukkan Record of Sales yang memuaskan. Dengan cara ini Kementerian saya dapat mengawal dan mengawasi sama ada syarikat-syarikat berkenaan menjalankan perniagaan mereka dengan cara betul dan bukan menggunakan taktik Ali-Baba. Syarikat-syarikat mestilah menghantar record of sales tiap-tiap bulan untuk direkodkan

oleh Kementerian saya. Dengan adanya rekod tersebut dapatlah Kementerian menimbangkan sama ada syarikat tersebut dapat memenuhi syarat-syarat yang dikenakan sebelum A.P. diberikan. Jikalau pemegang A.P. didapati tidak memenuhi syarat-syarat kuota, Kementerian akan membuat penyiasaan dan recommendation. Recommendation boleh dibuat bagi syarikat itu diberi peluang untuk melanjutkan perniagaan atau tidak. Memanglah Kementerian dengan cara ini dapat menyekat aktiviti-aktiviti A.P. Ali-Baba ini.

Yang Berhormat dari Pasir Mas mencadangkan supaya mempercepatkan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur dan memperluaskannya ke negara-negara lain seperti negara-negara Selatan. Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sedang giat untuk mendapatkan sokongan negara-negara ASEAN dahulu dan kemudian negara-negara Jepun, Republik Korea, Taiwan, Hong Kong, Republik Rakyat China dan Vietnam. Oleh kerana perkara ini adalah baru dicadangkan oleh Malaysia dan ianya adalah rumit maka perbincangan-perbincangan dengan negara tersebut akan memakan masa. Walau bagaimanapun, adalah menjadi hasrat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk mempercepatkan penubuhan Kumpulan Ekonomi ini. Cadangan untuk memperluaskan kumpulan ini ke negara-negara lain seperti negara-negara Selatan adalah baik.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Tuan Chua Jui Meng: Tidak beri, tidak ada masa.

Tetapi ia perlu dikaji dengan teliti kerana kita perlu berunding terlebih

dahulu dengan rakan-rakan kita dalam ASEAN dan negara-negara lain dalam kumpulan ini.

Tuan Pengerusi, soalan lain daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas menimbulkan cadangan untuk menubuhkan perbadanan kemajuan perdagangan antarabangsa. Berhubung dengan cadangan tersebut sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk menubuhkan satu organisasi khas atau satu perbadanan bagi tujuan galakan perdagangan termasuk eksport.

Yang Berhormat dari Tumpat menyoalkan mengapakah masih banyak barangan eksport Malaysia melalui Singapura dan mengenai soalan yang kedua, jambatan kedua—pembinaannya akan memburukkan keadaan di atas. Cadangan untuk mengeksport dan mengimport secara langsung adalah baik dan dasar Kerajaan untuk menggalakkan perdagangan secara terus atau direct trade, dengan izin, sungguhpun syarikat perkapalan antarabangsa singgah di pelabuhan-pelabuhan Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, bagi setengah destinasi-destinasi tertentu tidak terdapat perkhidmatan syarikat perkapalan yang destinasi tersebut singgah di pelabuhan-pelabuhan Malaysia, maka pelabuhan negara lain yang terdekat yang menawarkan perkhidmatan tersebut terpaksa digunakan.

Yang Berhormat dari Arau menimbulkan masalah mengenai PDPN atau Pusat Daya Pengeluaran Negara dan perlu memberikan lebih tekanan kepada latihan dan khidmat nasihat kepada usahawan bumiputera. Sebenarnya PDPN memang memberi tekanan kepada keperluan latihan dan khidmat nasihat usahawan bumiputera. Sebagai contoh, dari segi pembahagian sumber tenaga profesional PDPN, tidak kurang daripada 50% diletakkan di dalam tugas ini jika dibandingkan dengan lebih kurang 10% untuk latihan perhotelan.

Namun demikian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Arau di atas perkara itu dan Kementerian akan cuba memenuhi permintaan dan keperluan usahawan bumiputera di masa hadapan tertakluk kepada peruntukan.

Soalan daripada Yang Berhormat dari Arau mengenai GSP ditarik balik dan apakah persediaan Kerajaan sekarang, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat dari Arau bahawa Kerajaan sedar bahawa skim GSP ini adalah sementara. Sebagai persediaan, Kementerian sedang mengambil tindakan-tindakan berikut:

- (i) memberi kesedaran kepada pengilang-pengilang dan pengeksport supaya tidak bergantung kepada Skim GSP semata-mata tetapi menggunakan skim ini untuk menembusi pasaran antarabangsa. Apabila pasaran ditembusi pengeksport-pengeksport hendaklah berusaha mengurangkan kos pengeluaran supaya mereka menjadi lebih cost efficient, dengan izin.
- (ii) syarikat-syarikat yang cost efficient tidak akan bimbang jika GSP ditarik balik kerana jika tanpa GSP cukai biasa yang dikenakan yang biasanya lebih tinggi daripada cukai GSP akan dapat dibiayai, diserapi (absorb) oleh pengeksport-pengeksport Malaysia. Dengan izin, margin of profit yang tinggi membolehkan pengeksport dapat bersaing di pasaran antarabangsa;
- (iii) eksport GSP merupakan 12% daripada keseluruhan eksport Malaysia ke seluruh dunia. Malaysia bersedia pada bila-bila

masa untuk memperkembangkan eksport tanpa GSP kerana pada masa sekarang 88% daripada eksport negara kita tidak bergantung kepada GSP. GSP digunakan oleh syarikat-syarikat yang baru mengeksport ke pasaran luar negeri. Bagi syarikat-syarikat yang berpengalaman, dengan izin, established, Skim GSP meningkatkan margin of profit. Jadi, tanpa GSP syarikat-syarikat yang telah established sememangnya telah dapat bersaing dan terus mengeksport produk-produk mereka tanpa masalah; dan

- (iv) Kerajaan juga menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia melabur di luar negeri dengan mengadakan pemerosesan di luar negeri supaya barangan yang dikilangkan di negara berkenaan dapat dijual terus di luar negeri tanpa dieksport dari Malaysia.

Yang Berhormat dari Tumpat menimbulkan masalah dengan pengeksportan

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Chua Jui Meng: Terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.